

BAB 1

KONSEP AL-ARBA ‘İNĀT DAN SUMBANGAN ULAMA DALAM AL-ARBA ‘İNĀT

1.1 Pengenalan

Kitab *al-Arba ‘ün al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī adalah sesebuah karya dibidang Hadith yang disumbangkan beliau dalam jenis *al-Arba ‘İNĀT* sebagai salah satu usaha bagi menjaga dan menyiaran Hadith Nabi s.a.w. Manakala penulisan *al-Arba ‘İNĀT* ini pula merupakan satu kaedah dan metode yang dibuat oleh para Ulama sama ada terdahulu mahupun semasa dengan pelbagai macam gaya penulisan.

Maka itu, penjelasan dan huraian konsep *al-Arba ‘İNĀT* perlu dikaji lebih awal sebelum penyelidikan tentang kitab *al-Arba ‘ün al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī yang merupakan bahagian dan salah satu karya Hadith dalam *al-Arba ‘İNĀT*, malah perbahasan tentang konsep *al-Arba ‘İNĀT* ini pun dikira lebih utama didahulukan sebelum latar belakang penulis kitab *al-Arba ‘ün al-Buldāniyyah*.

Hal itu dilakukan supaya penyelidikan dan kajian dalam disertasi ini dapat lebih terarah dan tersusun dengan sistematik. Di samping kajian tentang konsep *al-Arba ‘İNĀT* dapat memberikan gambaran yang jelas tentang takrifan *al-Arba ‘İNĀT* itu sendiri, apa sahaja yang boleh diklasifikasi sebagai bahagian *al-Arba ‘İNĀT* sehingga dapat memberikan batasan bagi kitab-kitab apa sahaja yang ditulis dan disumbangkan Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam *al-Arba ‘İNĀT* dan apa sahaja yang dikira karya jenis ini tetapi ia bukan termasuk kelompok karya tersebut.

Kemudian kajian pada bab ini juga dimaksudkan untuk menghuraikan latar belakang, kepentingan, motif, sejarah dan sumbangan para Ulama silam sehingga semasa sama ada dari Jazirah Arab mahupun di Alam Melayu (Nusantara) dalam mengumpulkan dan menyusun karya *al-Arba ‘İNĀT*.

1.2 Takrif *al-Arba'īnāt* secara bahasa dan Istilah

1.2.1 Takrif Secara Bahasa

Dari sisi bahasa, kalimah *al-Arba'īnāt* merupakan bentuk plural (jamak) kepada kalimah *arba'ūn* atau *arba'iñ*, sehingga menjadi *arba'ūnāt* atau *arba'iñāt*. Penjamakan seperti ini disahkan oleh al-Imām al-Nawawī (m.676H) dalam *Tahdhīb al-Asmā' wa al-Lughah*, beliau mengharuskan menjamak kalimah *al-Arba'iñ* dengan *arba'iñāt* serta membantah setengah pakar bahasa Arab yang mengingkari keharusan untuk menjamak *al-arba'iñ*, *al-khamsīn* atau yang semisalnya.²⁰

Kemudian Imam al-Nawawī (m.676H) mengukuhkan pendapatnya dengan pandangan seorang pakar bahasa Arab, Abū Bishr 'Amr bin 'Uthmān bin Qanbir yang terkenal dengan nama Sibawayh (m.796H), yang menyebutkan bahawa setiap bentuk *mudhakkār* yang tidak dijamakkan dengan jamak *taksīr* maka harus menjamakkannya dengan *alif* dan *ta'*²¹ dengan *qiyas*, seperti *hammām* dan *hammāmāt*, demikian pula dengan *arba'iñāt*, dan sebagainya.²²

Kalimah *al-arba'iñāt* pula merupakan *al-'adād* (angka/ bilangan), yakni angka *arba'ah* (empat) dan kelipatanya.²³ Ibn Manzūr (m.711H) dalam *Lisān 'Arab* pada fasal *al-Ra'* menyatakan bahawa perkataan *al-arba'ah* (empat) dan *al-arba'ūn* adalah '*adād* (angka). Maka *al-arba'ah* (empat) dalam angka *mudhakkār* dan *al-arba'* dalam angka *mu'annath*. Manakala *al-Arba'ūn* merupakan angka setelah tiga puluh²⁴ yakni empat puluh.

²⁰ Yahyā bin Sharf al-Dīn al-Nawawī, *Tahdhīb al-Asmā' wa al-Lughah* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, t.t.), 3:117.

²¹ Abū Bishr 'Amrū bin 'Uthmān bin Qanbir, Abd al-Salām Muḥammad Hārūn, ed., *al-Kitāb* (Kaherah: Maktabah Khānijī, 1988), 3:615.

²² Al-Nawawī, *Tahdhīb al-Asmā'*, 3:117.

²³ Abū Mu'ādh Zāfir bin Ḥasan Ālu Jab'ān, *'Ilm al-Arba'iñāt wa al-Arba'iñ al-Nawawīyah* (t.t.p.: t.p. t.t.), 4.

²⁴ Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Makram Ibn Manzūr, *Lisān al-Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, 1990), 8:99. Lihat juga Isma'il bin Ḥammād al-Jawhārī, Aḥmad Abd al-Ghafūr 'Aṭṭār, ed., *al-Ṣīḥāh: Tāj al-Lughah wa Ṣīḥāh al-'Arabiyyah* (cet. ke-4, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malayīn, 1990), 3:1211.

1.2.2 Takrif Secara Istilah

Di atas telah dijelaskan tentang takrif *al-Arba ‘īnāt* dalam aspek bahasa, sementara pada bahagian ini akan dikaji dari sudut terminologinya (istilah). Dari sudut istilah para Sarjana dan Ulama Islam mempunyai takrif yang pelbagai tentang *al-Arba ‘īnāt*, di antaranya ialah sebagai berikut:

- a. Sheikh Muḥammad Yāsīn al-Fādānī (m.1410M) dalam *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* memberikan takrif tentang *al-Arba ‘īnāt* iaitu:

وهي عبارة عن أجزاء صغيرة يحوي كل منها أربعين حديثا في موضع معين أو عامة

لا تخص موضوعا بعينه، يخرجها المؤلف بأسانيده أو يؤلفها بمجردة عن السنن –إلا

الصحابي الذي روى الحديث طبعا و الكتاب الذي قد خرجه.²⁵

Ertinya: Ia (*al-Arba ‘īnāt*) adalah merupakan juzuk-juzuk kecil (ringan) yang setiap daripada juzuk-juzuk itu mengandungi sebanyak 40 Hadith padasatu tajuk tertentu atau secara umum yang tajuknya tidak dikhurasukan, penyusunnya meriwayatkan Hadith itu lengkap dengan sanad-sanadnya sekali atau ia menyusunnya hanya sanad pada peringkat Sahabat yang meriwayatkan Hadith dan dan kitab (asal) yang meriwayatkannya.

- b. Dr. Sa’ūd bin ‘Abd Allāh al-Fanīsāni memberikan takrif yang hampir sama dengan takrif yang diberikan oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī (m.1410H) iaitu:

هي أجزاء صغيرة، تحوي أربعين حديثا في موضوعات متفرقة، أو موضوع واحد

الصلوة أو الصيام، أو الحج، أو الصدقة، أو بر الوالدين، أو الجهاد في سبيل

الله، أو فضل صحابي، أو بقعة معينة، كمكة و المدينة، أو بيت المقدس.

²⁵ Yāsīn, *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*, 3.

يخرجها المؤلف بأسانيدها أو بدون إسناد مكتفيات بذكر الصحابي راوي الحديث، والكتاب الذي خرجه.²⁶

Ertinya: (*al-Arba 'ināt*) adalah juzuk-juzuk kecil yang mengandungi sebanyak empat puluh Hadith dalam pelbagai mawdu' atau satu tema sahaja seperti (Empat Puluh Hadith) tentang Salat, atau (Empat Puluh Hadith) Puasa, atau (Empat Puluh Hadith) Haji, atau (Empat Puluh Hadith) Sedekah, (Empat Puluh Hadith) Berbuat Baik pada Ibu-Bapa, (Empat Puluh Hadith) Jihad dijalan Allah, atau (Empat Puluh Hadith) Kelebihan Seorang Sahabat, atau (Empat Puluh Hadith) tentang kedudukan tempat tertentu seperti Makkah dan Madinah atau Bait al-Maqdis. Penulisnya meriwayatkan Hadith dalam kitabnya itu sama ada dengan sanad sekali atau penulisnya mengeluarkan Hadithnya itu tanpa sanad yang lengkap, tapi cukup menyebutkan sanadnya pada peringkat Sahabat sebagai periyawat Hadith, dan menyebutkan kitab Hadith (asal) yang mengeluarkan Hadith tersebut.

- c. Dr. Muḥammad Ḏiyā' al-Raḥmān al-A'ẓamī pula dalam *Mu'jam Muṣṭalaḥāt al-Hadīth wa Laṭā'if al-Asāniḍ* memberikan takrif berikut:

الأربعينات: يجمع فيها الآحاديث في باب واحد أو في أبواب شتى بسند واحد أو

بأسانيد متعددة²⁷

Ertinya: (satu karya) yang didalamnya terhimpun Hadith dalam sesesebuah bab, atau bab yang pelbagai dengan satu sanad sahaja atau sanad-sanad yang banyak.

²⁶ Sa'ūd bin 'Abd Allāh al-Fanīsān, *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah fī al-Ahadīth al-Najdiyyah: Arba 'ūn Hadīthan min Arba 'in Kitāban* (Riyadh: Maktabah Rashad, t.t.), 5.

²⁷ Muḥammad Ḏiyā' al-Raḥmān al-A'ẓamī, *Mu'jam Muṣṭalaḥāt al-Hadīth wa Laṭā'if al-Asāniḍ* (Riyadh: Maktabah Aḍwā' al-Salaf, 1999), 27.

- d. Dr. Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī pula dalam *Mu'jam al-Muṣṭalaḥāt al-Hadīthiyah* memberikan takrif sebagai berikut:

الأربعينات: حُمُّ الأربعين وهو الكتاب الذي يجمع فيه مؤلفه أربعين حديثاً مثل

"الأربعون" للأجري و "الأربعون" للنبووي وغيرها²⁸

Ertinya: *al-Arba 'ināt* adalah jamak kepada *al-Arba 'īn* (empat puluh). Ia merupakan sesebuah kitab yang pengarangnya mengumpulkan sebanyak empat puluh Hadith didalamnya. Seperti *al-Arba 'ūn* karya al-Ājurī (m.360H) dan *al-Arba 'ūn* karya al-Nawawī (m.676H), serta selain mereka.

- e. Dr. Abū Mu'ādh bin Zāfir bin Ḥasan Ālu Jab'ān dalam *'Ilm al-Arba 'ināt wa al-Arba 'īn al-Nawawiyah* berkata:

أن يجمع حديثاً نبوياً أو قدسياً في باب من الأبواب مع اختلاف الباعث على

جمعها²⁹

Ertinya: Koleksi Hadith sama ada Hadith nabawi mahupun Hadith qudsi sebanyak empat puluh buah yang dikumpulkan dalam sesesbuah bab, seiring kepelbagian³⁰ motif atas pengumpulan Hadith tersebut.

- f. Menurut Muḥammad Zubayr Ṣiddīqī dalam *Hadith Literature: Its Origin, Development, Special Features and Criticism* berkata:

²⁸ Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī, *Mu'jam al-Muṣṭalaḥāt al-Hadīthiyah* (Bangi: Dār al-Shākir, 2004), 10.

²⁹ Zāfir, *Ilm al-Arba 'ināt*, 4.

³⁰ Kepelbagaian motif disini bermaksud bahawa para Ulama penulis *al-Arba 'ināt* mempunyai subjek kajian dan tujuan penulisan yang tidak sama, bahkan sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Ḥāfiẓ Ibn 'Asākir (m.571H) dalam mukaddimah *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah* bahawa para Ulama tidak sahaja berbeza dalam tujuan penulisannya tetapi berbeza pula dalam hal pengumpulan dan pentartibannya, juga berlainan dalam angka (jumlah) dan pengklasifikasian bab-babnya. Selanjutnya lihat: 'Alī bin Ḥasan bin Hibah Allāh ibn 'Asākir, 'Abdū al-Ḥāfiẓ Muḥammad al-Ḥarīrī, ed., *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah: Arba 'ūn Hadīthan 'an Arba 'īn Sheikhan min Arba 'īn Madīnah li Arba 'īn min al-Saḥābah* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1993), 35-36.

The *Arba’īnāt*, as the name shows, are the collection of forty *Aḥādīth* relating to one or more subjects which may have appeared to be of special interest to the compiler. An example of this is the *Arba’īn* of al-Nawawi.³¹

Ertinya: *al-Arba’īnāt* sebagaimana namanya, merupakan koleksi daripada empat puluh Hadith yang berkaitan dengan satu atau lebih subjek yang kelihatan seperti minat tertentu bagi penyusunnya. Contohnya *al-Arba’īn* karya Imam al-Nawawi.

Demikian beberapa takrif *al-Arba’īnāt* diberikan sebahagian Ulama dan Sarjana Islam. Maka berdasarkan analisis terhadap maklumat-maklumat tersebut dapat dibuat kesimpulan bahawa *arba’īnāt* ialah sesesbuah karya yang mengandungi koleksi Hadith Nabi s.a.w.yang terhad jumlahnya sebanyak empat puluh Hadith,³² yang disusun sama ada berkaitan dengan satu tema tertentu sahaja, atau pelbagai tema mengikut pada motif dan tujuan penyusun kitab tersebut.

1.3 Latar Belakang Penulisan Karya *al-Arba’īnāt*

Para Ulama telah berusaha menjaga dan melestarikan ajaran Nabi s.a.w. dalam bentuk pengumpulan dan penyusunann Hadith. Mereka berjaya mengembangkan pelbagai metode dan bentuk penulisan atau penyusunannya supaya Hadith tersebut terpelihara dan tersiar sekali gus memperolehi kelebihan dari pekerjaan tersebut.

Karya *al-Arba’īnāt* telah bermula sejak zaman perkembangan pengkodifikasian dan penyusunan kitab-kitab Hadith, seiring dengan perkembang penulisan Hadith serta

³¹ Muhammad Zubayr Ṣiddīqī, *Hadith Literature: Its Origin, Development, Special Features and Criticism* (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2006), 19.

³² Para penulis kitab *al-Arba’īnāt* tidak terhad pada jumlah empat puluh sahaja, malah di antara mereka mengumpulkan dalam kitab *arba’īnāt* mereka melebihi angka tersebut, seperti kitab *al-Arba’īn* karya Imam al-Nawawi (m.676H), yang mengumpulkan dalam kitabnya sebanyak empat puluh dua hadith.

semangat dan kreativiti para Ulama mengumpulkan dan menyusun Hadith Nabi s.a.w. dalam pelbagai macam kaedah dan bentuk.³³

Pada umumnya karya ini disusun bersandarkan kepada Hadith tentang anjuran menghafaz empat puluh Hadith Nabi s.a.w. dalam urusan agama serta kelebihan bagi para penghafaznya. Hadith ini sangat terkenal dan banyak para Imam dan Ulama Hadith meriwayatkan dalam kitab-kitab mereka, di antaranya ialah:

1. Imam al-Qādī al-Ḥasan bin ‘Abd al-Rahmān Rāmahurmuzī (m.360H) dalam kitabnya bertajuk “al-Muḥaddith al-Fāṣil Bayn al-Rāwī wa al-Wā‘ī”, dari Hadith Mu’adh bin Jabal r.a. Abū Hurayrah r.a. dengan sanad beliau.³⁴
2. Imam Hafiz Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī (m.458H) dalam “al-Jāmi’ al-Shu’ab al-Īmān”, dari Hadith Abū Hurayrah r.a. dan Abū al-Dardā’.³⁵
3. Imam Hafiz Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd al-Barr (m.463H) dalam “Jāmi’ Bayān al-‘Ilm wa Faḍlih” dari Hadith Anas bin Mālik r.a, Ibn ‘Umar r.a., Abū Hurayrah r.a., Ibn ‘Abbās r.a. dan Mu’adh bin Jabal r.a. dalam pelbagai jalur dan lafaz.³⁶
4. Imam Hafiz Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī Thābit al-Khaṭīb al-Baghdādī (m.463H) dalam “Sharf Aṣḥāb al-Ḥadīth”, dari Hadith Anas bin Mālik r.a., Ibn ‘Abbās r.a., dan ‘Abd Allāh bin ‘Umar r.a.³⁷

³³ Secara umum hadith Nabi s.a.w. mula-mula dikumpulkan dalam bentuk booklet (*sahifah*), kemudian pada pertengahan kurun ke-2 Hijri penulisannya mula dikembangkan kepada penulisan hadith berdasarkan tema-tema yang dikelompokkan di bawah tajuk dan bab. Selanjutnya para Ulama penulis hadith Nabi s.a.w. mencipta kaedah-kaedah yang khas dan pelbagai dalam menyusun hadith-hadith yang setiap kaedah itu mempunyai kecenderungan dan keistimewaan tersendiri. Lihat Mohammad Hashim Kamali, *Hadith Methodology: Authenticity, Compilation, Classification and Critism of Hadith* (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2002), 44-45.

³⁴ Al-Ḥasan bin ‘Abd al-Rahmān al-Rāmahurmuzī, Muḥammad ‘Ajāj al-Khaṭīb, ed., *al-Muḥaddith al-Fāṣil Bayn al-Rāwī wa al-Wā‘ī* (Beirut: Dār al-Fikr, 1971), 172-173.

³⁵ Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī, ‘Abd al-‘Alī ‘Abd al-Hamīd Hāmid, ed., *al-Jāmi’ al-Shu’ab al-Īmān* (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2003), 3:239-241.

³⁶ Yūsuf Ibn ‘Abd al-Barr, Abū Ashbāl al-Zuhayrī, ed., *Jāmi’ Bayān al-‘Ilm wa Faḍlih* (Riyadh: Dār Ibn al-Jawzī, 1994), 1:192-199.

³⁷ Aḥmad bin ‘Alī Thābit al-Khaṭīb al-Baghdādī, Muḥammad Sa’id Khaṭīb Ughlī, ed., *Sharf Aṣḥāb al-Ḥadīth* (Ankara: Ankara University, 1969), 19-20.

5. Imam Hafiz Abū al-Qāsim ‘Alī bin al-Ḥasan bin Hibah Allāh Ibn ‘Asākir (m.571H) dalam “al-‘Arba‘ūn al-Buldāniyyah”, dari Hadith Abū al-Dardā’ r.a., Ibn ‘Abbās r.a., dan ‘Abd Allāh bin ‘Umar r.a.³⁸
6. Imam Hafiz Abū Tāhir Aḥmad bin Muḥammad al-Silafī al-Āṣbahānī (m.576H) dalam “al-‘Arba‘īn al-Buldāniyyah” dari Hadith Abū al-Dardā’ r.a., Abū Hurayrah r.a., Ibn ‘Abbās r.a.³⁹
7. Imam Hafiz Abū Faraj ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī Ibn al-Jawzī (m.597H) dalam “al-‘Ilal al-Mutanāhiyah fī al-Aḥadīth al-Wāhiyah”, mengeluarkan (mentakhrij) Hadith ini dari semua jalur Sahabat r.a. seperti ‘Alī bin Abū Ṭālib r.a., Ibn Mas’ūd r.a., Mu’ādh bin Jabal r.a., Abū al-Dardā’ r.a., Abū Sa’id al-Khudrī r.a., Abū Hurayrah r.a., Abū Umāmah r.a., Ibn ‘Abbās r.a., Ibn ‘Umar r.a., Jābir bin Samrah r.a., Anas bin Mālik r.a., dan Buraydah r.a.⁴⁰

Sekali pun Hadith ini sangat terkenal dan banyak dijumpai dalam kitab-kitab para imam dan huffaz, majoriti pakar Hadith dan *naqd* (pakar kritik) melemahkannya tak kira Hadith tersebut memiliki banyak jalur periwayatan. Di antara Ulama dan Huffaz yang melemahkannya ialah:

1. Imam Hafiz Abū al-Ḥasan ‘Alī bin ‘Umar al-Dāruquṭnī (m.385H) dalam ‘Ilal al-Wāridah fī al-Aḥadīth al-Nabawiyah, mengatakan bahawa semua riwayatnya lemah dan tidak ada satupun yang thābit daripadanya.⁴¹

³⁸ ‘Alī bin al-Ḥasan bin Hibah Allāh Ibn ‘Asākir, ‘Abd al-Ḥāj Muḥammad al-Ḥarīrī, ed., *al-‘Arba‘ūn al-Buldāniyyah: Arba‘ūn Ḥadīthan ‘an Arba‘īn Sheikhan min Arba‘īn Madīnah li Arba‘īn min al-Ṣaḥābah* (Damsyik: al-Maktab al-Islāmī, 1993), 40-45.

³⁹ Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Silafī, Abū Abd al-Rahmān Mas’ūd bin Abd al-Ḥamīd al-Sa’dānī, ed., *al-‘Arba‘īn al-Buldāniyyah* (Riyadh: Aḍwā’ al-Salaf, 1997), 30-33.

⁴⁰ ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī Ibn al-Jawzī, Khalīl al-Mays, ed., *al-‘Ilal al-Mutanāhiyah fī al-Aḥadīth al-Wāhiyah* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983), 1:119-126.

⁴¹ ‘Alī bin ‘Umar al-Dāruquṭnī, Maḥfūz al-Rahmān Zayn Allāh al-Salafī, ed., *al-‘Ilal al-Wāridah fī al-Aḥadīth al-Nabawiyah* (Riyadh: Dār Ṭayyibah, 1985), 6:34.

2. Imam Hafiz Abū ‘Umar Yūsuf Ibn ‘Abd al-Barr (m.463H) dalam *Jāmi’ Bayān al-‘Ilm wa Fadlih*, menyebutkan bahawa Hadith ini tiada yang thabit dari Rasul s.a.w.⁴²
3. Imam Hafiz Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī (m.458H) dalam *al-Jāmi’ al-Shu‘ab al-Imān*, mengatakan bahawa matan Hadith ini terkenal dikalangan masyarakat tetapi *isnad* Hadith tersebut tidak ada yang sahih.⁴³
4. Imam Hafiz Abū al-Qāsim ‘Alī bin al-Ḥasan bin Hibah Allāh Ibn ‘Asākir (m.571H), sebagaimana yang dikatakan oleh Sheikh ‘Abd al-‘Azīz dalam mukaddimah *al-Arba‘īn Ḥadīthan: Mashīkhah Ibn Taymiyyah bi Riwayah al-Imām al-Dhahabī*.⁴⁴
5. Imam Hafiz Abū Faraj ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī Ibn al-Jawzī (m.597H) dalam *al-‘Ilal al-Mutanāhiyah fī al-Ahadith al-Wāhiyah*, telah mentakhrij Hadith ini dari tiga belas jalur periwayatan dari Sahabah r.a. kemudian menjelaskan kelemahan dan ‘ilat setiap periwayatan tersebut.⁴⁵ Para Ulama setelah beliau banyak menukarkan penilaian beliau ini dalam kitab-kitab mereka, seperti Imam Ibn Mulaqqin (m.804H), Hafiz Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (m.853H), dan selain mereka berdua.
6. Imam Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharf al-Dīn al-Nawawī (m.676H) sama ada dalam mukaddimah *al-Arba‘īn Ḥadīthan al-Nawawiyyah* mahupun *Sharḥ Matn al-Arba‘īn al-Nawawiyyah*, memberikan kenyataan bahawa para

⁴² Al-Barr, *Jāmi’ Bayān*, 198.

⁴³ Al-Bayhaqī, *al-Shu‘ab al-Imān*, 241.

⁴⁴ Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin Taymiyyah dan Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān al-Dhahabī, ‘Abd al-‘Azīz al-Sayrawān, ed., *al-Arba‘īn Ḥadīthan: Mashīkhah Ibn Taymiyyah bi Riwayah al-Imām al-Dhahabī* (Beirut: Dār al-Qalam, 1986), 18.

⁴⁵ Al-Jawzī, *al-‘Ilal al-Mutanāhiyah*, 119-129.

Ulama dan Huffaz telah menyepakati kelemahan Hadith ini walaupun mempunyai jalur yang banyak.⁴⁶

7. Imam Hafiz ‘Umar bin ‘Alī bin Aḥmad al-Anṣārī Ibn Mulaqqin (m.804H) dalam *Badr al-Munīr*, telah mengisyaratkan kelemahannya diawal menyebutan Hadith tersebut dengan perkataan beliau: “*ruwiya ‘anhu*”⁴⁷ (telah diriwayatkan darinya), dan beliau mengatakan bahawa Hadith ini telah disepakati kelemahannya oleh para *huffaz* sekali pun diriwayatkan dengan banyak jalur.⁴⁸
8. Imam Hafiz Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī (m.853H) dalam dan *Talkhiṣ al-Habīr* menyebutkan bahawa beliau telah mengumpulkan jalur-jalur periwayatan Hadith ini dalam sesebuah juzuk dan kesemuanya tidak ada yang selamat daripada ‘*ilah qādiḥah* (kecacatan yang boleh merosak/menjejaskan) riwayat tersebut.⁴⁹

Dan ramai lagi Ulama yang telah melemahkan Hadith tersebut sama ada dari kalangan Ulama silam mahupun Ulama kontemporer. Antara Ulama kontemporer yang melemahkan Hadith tersebut ialah Sheikh Muḥammad Yāsīn al-Fādānī (m.1410H)

⁴⁶ Yaḥyā bin Sharf al-Dīn al-Nawawī, *Sharḥ Matn al-Arba’īn al-Nawawiyyah* (cet. ke-4, Damsyik: Maktabah Dār al-Faṭḥ, 1984), 4.

⁴⁷ Para Ulama berkata: “Sesiapa yang hendak meriwayatkan atau menceritakan sesebuah hadith sepatutnya ia memperhatikan, bahawa jika hadith itu sahibh atau hasan, maka ia mengatakan: “*qāla Rasūl Allāh s.a.w. kadhā*” atau “*fa’alahu*” atau *shighat jazm* lain yang seperti itu. Tapi jika hadith itu lemah, maka ia sepatutnya ia tidak mengatakan: “*qāla*” atau “*fa’ala*” atau “*amara*” atau “*nahā*” atau dengan menggunakan *shigat jazm* lain yang semisalnya, tetapi hendaklah ia mengatakan “*ruwiya ‘anhu kadhā*” atau “*jā’ a ‘anhu kadhā*” atau “*yurwa ‘anhu kadhā*” atau “*yudhkaru*” atau “*yuhkā*” atau “*balaghānā*” dan apa-apa yang serupa dengan itu.” Lihat Yaḥyā Sharf al-Dīn al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī* (Kaherah: Matba’ah al-Miṣriyyah, 1929), 71. Lihat juga Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, Muḥammad Bahjah al-Bayṭār, ed., *Qawā’id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalaḥ al-Hadīth* (cet. ke-5, Beirut: Dār al-Nafā’is, 2010), 218.

⁴⁸ ‘Umar bin ‘Alī Aḥmad al-Anṣārī bin al-Mulaqqin, Muṣṭafā Abū al-Ghayt ‘Abd al-Hayy ed., *Badr al-Munīr fī Takhrij al-Aḥadīth wa al-Āthār al-Wāqi’ah fī al-Sharḥ al-Kabīr* (KSA: Dār al-Hijrah, 2006), 7:278-279.

⁴⁹ Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, Abū ‘Āsim Hasan bin ‘Abbās bin Quṭb, ed., *Talkhiṣ al-Habīr fī Takhrij Aḥadīth al-Rāfi’i al-Kabīr* (Cordova: Muassasah Qurṭabah, 1995), 3:202.

dalam mukaddimah kitab *al-Arba 'un Buldāniyyah*,⁵⁰ Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albāñī (m.1420H) dalam *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah*,⁵¹ dan Ulama yang masih hidup di zaman ini, seperti Abū Ishaq al-Huwaynī dalam mukaddimah beliau terhadap kitab *al-Ahadith al-Qudsiyyah al-Arba 'inīyyah*.⁵²

Terdapat setengah penulis kitab *al-Arba 'ināt* masih bersandar kepada Hadith kelebihan menghafaz empat puluh Hadith itu sekalipun kelemahannya sudah di sepakati.⁵³ Mereka yang menyandarkan penulisan kitabnya kepada Hadith tersebut boleh jadi dikeranakan tidak mengetahui 'ilat (kecacatan) Hadith itu⁵⁴ mahupun termasuk golongan yang mengharuskan mengamalkan Hadith *da'if* dalam masalah kelebihan amal.

Selain itu, setengah Ulama menilai baik (hasan) malah sahih Hadith itu seperti Imam Hafiz Abū Bakr Muḥammad bin al-Husayn al-Ājurī (m.360H) dalam kitab *al-Arba 'in Hādiثan*,⁵⁵ Imam Hafiz Abū Tāhir al-Silafī (m.576H) dalam kitab *al-Arba 'in Buldāniyyah*,⁵⁶ Imam al-Suyūṭī (m.911H) dalam *al-Jāmi' al-Saghīr*⁵⁷ dan selain mereka, contoh Mullā 'Alī al-Qārī (m.1014H) dalam *Mirqāh al-Mafātiḥ*.⁵⁸

⁵⁰ Yāsīn, *al-Arba 'un al-Buldāniyyah*, 3.

⁵¹ Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albāñī, *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdū'ah* (Riyadh: Maktabah al-Mārif, 2002), 10:97-104.

⁵² 'Alī bin Sultān Muḥammad al-Qārī, Abū Ishaq al-Huwaynī, ed., *al-Ahadith al-Qudsiyyah al-Arba 'inīyyah* (Kaherah: Maktabah al-Sahābah & Maktabah al-Tābi'in, t.t.), 6.

⁵³ Al-Nawawī, *Sharḥ Matn al-Arba 'in*, 4.

⁵⁴ Imam Hafiz Ibn al-Jawzī (m.597H) dalam kitab tersebut memberikan kenyataan bahawa sebahagian Ulama yang menyusun kitab *arba 'ināt* ini didirikan atas dasar hadith tentang kelebihan menghafaz empat puluh hadith tersebut. Beliau juga menyebutkan bahawa kebanyakan mereka tidak mengetahui 'ilah (kecacatan) hadith tersebut. Lihat Ibn al-Jawzī, *al-'Ilal al-Mutanāhiyah*, 128-129.

⁵⁵ Beliau menjelaskan latar belakang menulis kitab tersebut yang dikeranakan adanya soalan yang dari seseorang tentang makna hadith ini dan permintaannya supaya beliau menuliskan sesebuah kitab yang mengandungi sebanyak empat puluh hadith yang dapat beroleh manfaat dengan menghafaznya dan maknanya sekali, tanpa memberikan penjelasan atas kelemahannya sedikitpun, malah tidak pula memberikan komentar atas statusnya. Lihat Al-Ājurī, *Kitāb al-Arba 'in*, 65-71.

⁵⁶ Beliau dalam mukaddimah kitab *al-Arba 'in Buldāniyyah* mengatakan bahawa hadith "Sesiapa di kalangan umatku yang menghafaz sebanyak empat puluh hadith tentang urusan agamanya, niscaya Allah akan membangkitkannya sebagai seorang ahli fekah dan Ulama." telah diriwayatkan daripada para perawi *thiqah* dan para tokoh Ulama dan Fuqaha Islam pula telah pun mengenali kesahihannya. Kenyataan tersebut merupakan kenyataan yang paling *sariḥ* daripada yang lainnya. Tiada satu pun Ulama menilai

Terlepas dari status Hadith tersebut fokus utamanya adalah tentang jumlah 40 (empat puluh). Sebab berdasarkan jumlah ini para Ulama telah menulis dan menyusun karya-karya yang bertajuk *al-Arba ‘īn* (empat puluh).

Ramai daripada Ulama yang telah mengumpulkan sebanyak empat puluh Hadith dalam sesesebuah kitab, malah setengahnya telah pun mensyarahkan dan menghuraikan Hadith tentang kelebihan menghafaz empat puluh Hadith itu.⁵⁹

Fokus utama Hadith tentang kelebihan menghafaz empat puluh Hadith itu adalah terdapat pada jumlah 40 (empat puluh) tersebut. Jumlah ini merupakan asas para Ulama menyusun kitab yang bertajuk *arba ‘īn* (empat puluh).

1.4 Kepentingan dan Kelebihan Angka Empat Puluh

Penulisan kitab *al-Arba ‘īnāt* tidak sahaja diasaskan kepada riwayat tentang kelebihan menghafaz empat puluh Hadith, tetapi dikeranakan keistimewaan dan kelebihan jumlah

sahih hadith ini secara eksplisit selain beliau. Lihat Al-Silafi, *al-Arba ‘īn*, 25. Lihat juga Ziyad ‘Abd al-Wahhab Üzwan, “al-Arba ‘īnāt al-Ḥadīthiyah”, *Jurnal Shari’ah* 27, 1 (Ogos 2010), 601.

⁵⁷ Beliau mensahihkan hadith ini dari riwayat Ibn Najār dari Abū Sa’id r.a. Lihat Jalāl al-Dīn bin Abū Bakr al-Suyūṭī, *al-Jāmi’ al-Saghīr fi Ahadīth al-Bashīr al-Nadhīr* (cet. ke-6, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2012), 2:524. Tetapi Sheikh al-Albānī (m.1420H) tidak mensepakatinya dan beliau melemahkan dalam *Da’īf al-Jāmi’ al-Ṣaghīr*. Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī *Da’īf al-Jāmi’ al-Ṣaghīr wa Ziyādatuh* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1990), 801.

⁵⁸ Sebetulnya tidak ada kenyataan yang secara eksplisit (jelas) dari beliau yang mengatakan hadith ini sahih mahupun hasan, namun beberapa Ulama dan Sarjana Islam mengkategorikan beliau sebagai di antara Ulama yang mensahihkan hadith ini seperti yang dikatakan oleh Dr. Saūd bin ‘Abd Allāh al-Fanīsānī dalam *al-Arba ‘īn al-Buldāniyyah fī al-Ahadīth al-Najdiyyah*. Lihat Sa’ūd, *al-Arba ‘īn al-Buldāniyyah*, 31. Sheikh Abū Ishāq al-Ḥuwaynī dalam mukaddimah beliau pada kitab *al-Ahadīth al-Qudsīyyah al-Arba ‘īniyyah* kesal dan aneh kepada Sheikh Mullā ‘Alī al-Qārī (m.1014H) yang menurut pandangan beliau tidak memiliki sama ada *dhauq* (rasa) para ahli hadith dan maupun sifat *naqd* (kritis) para hafiz dalam kitab *Mirqāh al-Mafātiḥ*, tetapi hanya sebagai seorang penukil dan pengumpul sahaja. Lihat al-Qārī, *al-Ahadīth al-Qudsīyyah*, 6-7. Fakta Sheikh Mullā ‘Alī al-Qārī (m.1014H) dalam kitab *Mirqāh al-Mafātiḥ* tidak seperti biasanya para Huffaz dan Ulama Hadith mensyarahkan sesebuah hadith atau kitab yang di dalamnya mengandungi hadith-hadith Nabi s.a.w.. Beliau hanya menghuraikan hadith-hadith yang merupakan syarah bagi kitab *Mishkāh al-Maṣābiḥ* karya Imam al-Khatīb al-Tibrīzī (m.741H) tanpa banyak menjelaskan kondisi atau status hadithnya. Di antaranya contohnya adalah hadith tentang kelebihan menghafaz empat puluh hadith ini. Beliau pula hanya menghuraikan secara ringkas kandungan hadithnya tanpa memperincangkan kondisi hadith tersebut sama ada penilaian dari sudut sanad mahupun matannya. Lihat ‘Alī bin Sultān Muḥammad al-Qārī, Jamāl ‘Aytānī, ed., *Mirqāh al-Mafātiḥ: Sharḥ Mishkāh al-Maṣābiḥ* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 1:470-471.

⁵⁹ Antaranya adalah ‘Alī bin Sulṭān Muḥammad al-Qārī (m.1014H) dalam *Mirqāh al-Mafātiḥ* yang telah mensyarahkan bahawa empat puluh hadith yang dimaksud dalam hadith itu adalah empat puluh masalah.

empat puluh itu sendiri. Sebab mengkhususkan kepada jumlah tersebut dianalogikan kepada beberapa ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith yang dalam pelbagai tempat menyebutkannya.

Penyebutan angka empat puluh ini dapat ditemukan sebanyak empat kali⁶⁰ dalam al-Qur'an pada konteks yang berbeza,⁶¹ iaitu:

1. Surah al-Baqarah (2) ayat ke 51:

وَإِذْ وَاعْدْنَا مُوسَى أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ الْتَّحْدِيثُ الْعِجْلَنَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَئْسُنُ ظَالِمُونَ

Al-Baqarah 2:15

Terjemahan: "Dan (kenangkanlah) ketika kami berjanji kepada Nabi Musa (untuk memberi Taurat kepadanya sesudah ia bersiap selama) empat puluh malam. Kemudian, setelah ia pergi, kamu menyembah (patung) anak lembu, dan kamu sebenarnya orang-orang yang zalim (terhadap diri sendiri)."

2. Surah al-Māidah (5) ayat ke 26:

قَالَ فَإِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ أَرْبَعِينَ سَنَةً يَتَّهِمُونَ فِي الْأَرْضِ فَلَا تَأْسَ عَلَى الْقَوْمِ

الْفَاسِقِينَ

Al-Māidah 5:26

Terjemahan: "Allah berfirman: "Sesungguhnya negeri itu diharamkan kepada mereka memasukinya - selama empat puluh tahun, mereka akan merayau-rayau dengan bingungnya (disepanjang masa yang tersebut) di padang pasir (Sinai); maka janganlah engkau berduakacita terhadap kaum yang fasik itu."

⁶⁰ Muḥammad Fuād ‘Abd al-Bāqī, *al-Mu’jam al-Mufahras li Alfaż al-Qur’ān al-Karīm* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1943), 300.

⁶¹ Angka empat puluh dalam ayat-ayat di atas disebutkan dalam konteks dan redaksi (lafaz) yang berbeza, terdiri dari: Empat puluh malam (*arba’īn laylah*) dalam surah al-Baqarah ayat ke 51 dan al-A’rāf ayat ke 142 serta empat puluh tahun (*arba’īn sanah*) sama ada dalam konteks masa seperti disebutkan di dalam surah al-Māidah ayat ke 26 mahupun konteks kematangan usia seperti disebutkan dalam surah al-Aḥqāf ayat ke 15.

3. Surah al-A'rāf (7) ayat ke 142:

وَوَاعْدُنَا مُوسَىٰ ثَلَاثَيْنَ لَيْلَةً وَأَتَمَّنَاهَا بِعَشْرِ فَتَمَّ مِيقَاتُ رَبِّهِ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً وَقَالَ
مُوسَىٰ لِأَخِيهِ هَارُونَ اخْلُقْنِي فِي قَوْمِي وَأَصْلِحْ وَلَا تَتَّبِعْ سَبِيلَ الْمُفْسِدِينَ

Al-A'rāf 7:142

Terjemahan: “Dan kami telah janjikan masa kepada Nabi Musa (untuk memberikan Taurat) selama tiga puluh malam, serta Kami genapkan jumlahnya dengan sepuluh malam lagi, lalu sempurnalah waktu yang telah ditentukan oleh Tuhanya empat puluh malam. Dan berkatalah Nabi Musa kepada saudaranya Nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat): “Gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaumku dan perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku), dan janganlah engkau menurut jalan orang-orang yang melakukan kerosakan”

4. Surah al-Aḥqāf (46) ayat 15:

وَصَبَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالَّدِيهِ إِحْسَانًا حَمَلْتَهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعْتَهُ كُرْهًا وَحَمْلُهُ وَفَصَالُهُ
ثَلَاثُونَ شَهْرًا حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ أَشْدَدَهُ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبُّهُ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرْ
نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالَّدَّيَ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَصْلِحْ لِي فِي
دُرِّيَّنِي إِلَيْيِ تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Al-Aḥqāf 46:15

Terjemahan: “Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. Setelah ia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun,

berdoalah ia dengan berkata: “Wahai Tuhanaku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu)”.

Di dalam riwayat Hadith pula, penyebutan angka 40 dapat ditemukan dalam banyak tempat (Hadith),⁶² antaranya ialah:

1. Hadith tentang diutusnya Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Rasul pada usia empat puluh tahun. Hadith ini sangat terkenal dan merupakan salah satu daripada prinsip agama di samping Hadith tentang niat yang diriwayatkan oleh ‘Umar bin al-Khaṭṭab r.a., Hadith ‘Aishah r.a. tentang tertolaknya amalan yang tidak dicontohkan oleh Nabi s.a.w., dan Hadith Nu’mān bin Bashīr r.a. tentang yang halal dan yang haram itu jelas, manakala ditengah-tengahnya ada perkara yang syubhat.⁶³
2. Hadith tentang tahapan penciptaan manusia dalam rahim Ibunda, setiap tahapan (perubahannya) berlangsung selama empat puluh hari. Hadith ini pula amat masyhur yang diriwayatkan oleh ‘Abd Allāh bin Mas’ūd r.a. yang menceritakan tentang awal penciptaan manusia, bahawa manusia itu sebelum diciptakan dan masih dalam rahim Ibunda masih berbentuk setetes mani

⁶² Berdasarkan maklamat dalam kitab *al-Mu’jam al-Mufahras li Alfāz al-Hadīth al-Nabawī* ditemukan sebanyak sembilan belas hadith yang mengandungi lafadz *arba’ūn*. Lihat A. J. Wensinck, *al-Mu’jam al-Mufahras li Alfāz al-Hadīth al-Nabawī* (Leiden: Brill, 1943), 2:215-216.

⁶³ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, Muḥammad Tāmir, ed., *Šaḥīḥ al-Bukhārī al-Jāmi’ al-Musnad al-Šaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūl Allāh s.a.w. wa Sunanīh wa Ayyāmih* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2011) (Kaherah: Dār Ḥadīth, 2011), 631 (Kitab Manāqib al-Anṣār, Bab Hijrah al-Nabī s.a.w. wa Aṣhābīh ilā al-Madīnah, no. Hadith 3902) dan Abū Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj, *Šaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Dār Ḥadīth, 2010), 755 (Kitab al-Faḍā’il, Bab fī Ṣifah al-Nabī s.a.w. wa Mab’athih wa Sinnih, no. Hadith 2347) dan Mālik bin Anas, Khalīl bin Ma’mūn Shayhā, ed., *al-Muwaṭṭā’: bi Riwāyah Yaḥyā bin Yaḥyā al-Laythī*, (cet. ke-2, Beirut: Dār al-Ma’rifah, 2008), 488 (Kitab Ṣifah al-Nabī s.a.w., Bab Mā Ja’ā fī Ṣifah al-Nabī s.a.w., no. Hadith 1753).

dalam masa empat puluh hari, kemudian berubah menjadi setetes darah dalam masa empat puluh hari, kemudian menjadi segumpal daging selama empat puluh hari pula. Lalu selepas itu Malaikat diutus untuk meniupkan ruh kepadanya dan diperintahkan kepadanya untuk menuliskan/ menetapkan empat perkara iaitu rizki, ajal, amal, dan kematangan dan kebahagiaannya.⁶⁴

3. Hadith tentang jenazah yang mendapat syafa'at kerana disembahyangi sebanyak empat puluh orang Mukmin.⁶⁵
4. Hadith tentang fitnah al-Dajjāl yang mendiami bumi selama empat puluh masa (hari/ bulan/ tahu).⁶⁶
5. Hadith tentang jarak waktu antara dua tiupan sangsakala selama empat puluh.⁶⁷
6. Hadith tentang kelebihan menegakkan had (hukuman) di bumi lebih baik daripada hujan selama empat puluh malam.⁶⁸
7. Hadith tentang tidak diterima sembahyang selama empat puluh malam bagi sesiapa yang mendatangi paranormal.⁶⁹

⁶⁴ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 525 (Kitab Bad' al-Khalq, Bab Dhikr al-Malā'ikah Ṣalāwat Allāh 'alayhim, no. Hadith 3208) dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 838 (Kitab al-Qadr, Bab Kayfiyah al-Khalq al-Ādāmī fī Baṭn Ummih wa Kitābah Rizqih wa Ajalih wa 'Amalih wa Shaqāwatih wa Sa'ādatih, no. Hadith 2643) dan Abū Dāwud Sulaymān al-Ash'ath al-Sijistānī, Abū Tāhir Zubayr 'Alī Za'i, ed., *Sunan Abī Dāwud* (Riyadh: Dār al-Salām, 2009), 932 (Kitab al-Sunnah, Bab fī al-Qadr, no. Hadith 4708).

⁶⁵ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 286 (Kitab al-Janā'iz, Bab Man Ṣalla 'alayh Arba'ūn Shuffū'ū fīh, no. Hadith 948) dan Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, 646 (Kitab al-Janā'iz, Bab Faḍl al-Ṣalāh 'alā al-Janāzah wa Tashyī'ihā, no. Hadith 3170) dan Muḥammad bin Yazid al-Qazwīnī bin Mājah, Aḥmad Sham al-Dīn, ed., *Sunan Ibn Mājah* (cet. ke-3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2008), 240 (Kitab al-Janā'iz, Bab Mā Jā'a fīman Ṣalla 'alayh Jamā'ah min al-Muslimīn, no. Hadith 1489).

⁶⁶ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 926 (Kitab al-Fitan wa Ashrāt al-Sā'ah, Bab fī Khurūj al-Dajjāl wa Makthih fī al-Ard wa Nuzūl 'Isā wa Qatl Iyyāh wa Dhahāb Ahl al-Khayr wa al-Īmān wa Baqā' Shirār al-Nās wa 'Ibādatihim al-Awthān wa al-Nafkh fī al-Ṣūr wa Ba'th Man fī al-Qubūr, no. Hadith 2940) dan Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 659-660 (Kitab al-Fitan, Bab Fitnah al-Dajjāl wa Khurūj 'Isā bin Maryam wa Khurūj Ya'jūj wa Ma'jūj, no. Hadith 4075).

⁶⁷ Rasulullah s.a.w. tidak menjelaskan sama ada empat puluh hari, empat puluh bulan ataupun empat puluh tahun. Lihat al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 238 (Kitab al-Tafsīr, Bab al-Tārīkh min Ayna Arkhū al-Tārīkh no. hadith 3935) dan Muslim, *Sahih Muslim*, 931 (Kitab al-Fitan wa Ashrāt al-Sā'ah, Bab Mā Bayna al-Nafkhatayn, no. Hadith 2955).

⁶⁸ Abū 'Abd al-Rahmān Shu'ayb bin 'Alī al-Nasā'i, ed. Aḥmad Shams al-Dīn, ed., *Sunan al-Nasā'i* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2009), 788 (Kitab Qat' al-Sariq, Bab al-Targhib fī Iqāmah al-Hadd, no. Hadith 4622).

8. Hadith tentang kelebihan orang yang mampu selama empat puluh hari menegakkan sembayang berjamaah.⁷⁰

Banyak lagi Hadith yang menyebutkan angka empat puluh ini sebagai bukti tentang keistimewaan dan kepentingan daripada jumlah empat puluh itu, termasuk dalam masalah hukum, seperti hukuman bagi orang yang meminum khamar iaitu Hadith tentang Nabi s.a.w. pernah menghukum orang yang minum khamar dengan cambukan sebanyak empat puluh jilid (cambukan),⁷¹ dan Hadith lainnya yang menyebutkan tentang jumlah empat puluh.

1.5 Motif Penyusunan dan Jumlah Hadith *al-Arba'īnāt*

Ramai Ulama yang telah menghasilkan karya Hadith *al-Arba'īnāt* ini dalam pelbagai tema dan motif, antaranya ada yang mengumpulkan sebanyak empat puluh Hadith berkaitan masalah Usuluddin sahaja, seperti *al-Arba'īn fī Uṣūl al-Dīn* karya Imam Fakh al-Dīn al-Rāzī (m.606H) dan *al-Arba'īn fī Uṣūl al-Dīn* karya Abū Ḥamīd al-Ghazalī (m.505H).

Ada pula yang mengoleksi Hadith berkaitan masalah Tauhid dan Sifat-Sifat Allah contoh: kitab *al-Arba'īn fī Dalā'il al-Tawhīd* karya Sheikh Abū Ismā'īl al-Anṣārī al-Harawī (m.481H) dan kitab yang sahih sahaja.

Selain itu ada juga di antara mereka yang mengumpulkan Hadith Nabi s.a.w. dalam bahagian (juzuk) kecil dengan tema-tema umum yang mencakupi pelbagai asas-

⁶⁹ Muslim *Ṣaḥīḥ Muslim*, 725 (Kitab al-Salām, Bab Taḥrīm al-Kihānah wa Ityān al-Kuhhān, no. Hadith 2230).

⁷⁰ Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, ed., *Sunan al-Tirmidhī* (cet. ke-2 Riyad: Maktabah al-Ma’arif, 2008), 69 (Kitab Mawāqīt al-Šalāh ‘an Rasūl Allāh s.a.w., Bab Mā Jā'a fī Faḍl al-Takbīr al-Ūlā, no. Hadith 241).

⁷¹ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1088 (Kitab al-Ḥudūd, Bab Mā Jā'a fī Ḏarb Shārib al-Khamr, no. Hadith 6773) dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 557-558 (Kitab al-Ḥudūd, Bab Ḥadd al-Khamr, no. Hadith 1706). Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, 886 (Kitab al-Ḥudūd, Bab al-Ḥadd fī al-Khamr, no. Hadith 4480, 4481) dan al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 271 (Kitab al-Ḥudūd ‘an Rasūl Allāh Ṣalla Allāh ‘alaīh wa Sallām, Bab Mā Jā'a fī Ḥadd al-Sakrān, no. Hadith 1443) dan Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 415 (Kitab al-Ḥudūd, Bab Ḥadd al-Sakrān, no. Hadith 2571).

atas ajaran Islam contoh: kitab *al-Arba ‘īn Hādīthan* karya Imam Abū Bakr Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Ājuri (m.360H), *al-Arba ‘īn al-Nawawiyyah* karya Imam Abū Zakariyya Yaḥyā bin Sharf al-Dīn al-Nawawī (m.676H) dan lain-lain.

Ada juga yang bermaksud untuk menjelaskan hukum-hukum (fekah) Islam sehingga kemudian sahaja mengumpulkan sebanyak 40 Hadith masalah fekah, misal kitab *al-Arba ‘īn* karya Imam Hafiz Abū ‘Abbas al-Ḥasan bin Sufyān al-Nasawī (m.303H).

Setengah lagi ada yang mengumpulkan Hadith sebanyak empat puluh tersebut dalam satu tema tertentu, seperti Hadith kelebihan sesesebuah amal tertentu, contoh kitab *al-Ijtihād fī Iqāmah Fard al-Jihād* karya Hafiz Ibn ‘Asākir (m.571H), atau empat puluh Hadith tentang dakwah seperti kitab *al-Arba ‘ūn Hādīthan al-Nabawiyyah fī Minhāj al-Da’wah al-Salafiyyah*. Dan banyak lagi tema-tema lainnya sama ada dalam masalah *uṣūl* mahupun *furu‘* mahupun adab serta lainnya.

Penulisan *al-Arba ‘īnāt* tidak sahaja mengoleksi Hadith Nabi s.a.w. sahaja, tetapi ada yang mengumpulkan di dalam kitabnya sebanyak empat puluh nama guru-guru sufi terkenal seperti kitab *al-Arba ‘īn fī Suyūkh al-Ṣūfiyyah* karya Abū Sa’id al-Malīnī (m.412H).

Para penulis *al-Arba ‘īnāt* tidak sahaja berbeza sama ada motif, *mawdu‘* mahupun pentartibannya, tapi mereka juga berbeza dalam bilangan Hadith yang mereka koleksi dalam *al-Arba ‘īnāt*.

Kebanyakan mereka mengumpulkan dalam kitab *al-Arba ‘īnāt* sebanyak 40 Hadith sahaja, dan sebahagian yang lain memasukkan ke dalam kitabnya tersebut melebihi 40 seperti *al-Arba ‘īn* karya Imam al-Nawawi (m.676H) yang mengoleksi dalam kitabnya itu sebanyak 42 Hadith.

Mengenai hal ini al-Ḥāfiẓ Ibn ‘Asākir (m.571H) dalam mukaddimah kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* menyebutkan bahawa para Ulama tidak sahaja berbeza dalam

tujuan penulisan bagi karya ini tetapi mereka juga berbeza dalam hal pengumpulan dan pentartibannya, malah para penulis karya ini berlainan dalam bilangan (jumlah) Hadith dan pengklasifikasian bab-bab dalam kitab *arba'īnāt* mereka.⁷²

Karya-karya *al-Arba'īnāt* yang pelbagai macam motif dan temanya adalah merupakan wujud dan usaha serta kontribusi (sumbangan) real para Ulama dan sarjana Hadith untuk menjaga dan memelihara supaya Hadith Nabi s.a.w. tersebar kepada umat manusia secara umum dan umat Islam secara khusus dalam setiap kurun dan generasi, dan supaya memudahkan bagi umat serta *tabligh* (penyampaian) Hadith Rasulullah s.a.w. melalui cara yang paling mudah.⁷³

1.6 Sejarah Perkembangan Pengkaryaan *al-Arba'īnāt*

Tidak terkira banyaknya kitab-kitab yang telah disusun oleh para Ulama sama ada mutaqaddimin mahupun muta'akhirin dalam soal ini. Di antara mereka ada yang mengumpulkan Hadith yang temanya disusun bagi penjelasan hukum-hukum Islam, ada pula yang mengumpulkan Hadith sahih sahaja, Di antara mereka ada yang mengumpulkan Hadith mengikut nama Sahabat (musnad), ada juga yang disandarkan kepada nama-nama gurunya (*mu'jam*), dan banyak lagi metode dan bentuk penulisan dan penyusunan kitab-kitab Hadith yang telah dikerjakan oleh para Ulama Islam sama ada mutakaddimin mahupun mutakhirin.

Para Ulama dari masa ke masa telah melakukan kreatifiti dalam penulisan dan penyusunan Hadith. Hal itu dilakukan untuk menjaga dan menyebarkan ajaran Nabi s.a.w. kepada umat Islam. Sebahagian mereka mengumpulkan Hadith dalam tema-tema

⁷² ‘Alī bin al-Ḥasan bin Hibah Allāh Ibn ‘Asākir, ‘Abdū al-Ḥāj Muḥammad al-Ḥarīrī, ed., *al-Arba’ūn al-Buldāniyyah: Arba’ūn Ḥadīthan ‘an Arba’īn Sheikhan min Arba’īn Madīnah li Arba’īn min al-Šāhābah* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1993), 35-36.

⁷³ Sheikh Muḥammad Yāsīn al-Fādānī (m.1410H) menjelaskan alasan penyusunan kitab *al-Arba'īnāt* Setelah melemahkan hadith tentang kelebihan menghafaz empat puluh hadith beliau mengatakan bahawa yang tampak daripada tujuan para Ulama yang menyusun kitab ini adalah untuk memudahkan umat, dan menyampaikan hadith Rasulullah s.a.w. dengan cara yang paling sederhana (mudah). Lihat Yāsīn, *al-Arba’ūn al-Buldāniyyah*, 3.

tertentu dan menjadikannya juzuk-juzuk kecil Hadith seperti koleksi Hadith empat puluh atau yang dikenal dengan *al-Arba 'ināt*.

Penulisan karya *al-Arba 'ināt* pula bukanlah satu bentuk dan metode baru dikenal oleh Ulama mutaakhirin, malah ianya telah pun wujud pada kurun ke 2 Hijri bersamaan dengan pertumbuhan aktiviti kodifikasi Hadith Nabi s.a.w. dengan cara *al-taṣnīf* yakni menyusun dan mengklasifikasikannya bab-bab perbahasan yang bersesuaian (tematik) ke dalam sesebuah kitab.⁷⁴

Karya *al-Arba 'ināt* pula adalah merupakan salah satu karya yang dihasilkan pada kurun ini. Selanjutnya karya jenis ini sentiasa bermunculan dari satu kurun ke kurun selepasnya sehingga sampai pada kurun sekarang ini.

Berdasarkan beberapa literatur menunjukkan bahawa tokoh Ulama Hadith yang paling awal sekali menyusun *al-Arba 'ināt* adalah Abd Allāh bin al-Mubārak (m.182H) yang masa itu merupakan tokoh Ulama terkenal dan penulis Hadith pada kurun kedua Hijri ini.⁷⁵

Banyak di kalangan Ulama dan Sarjana Islam yang menkuatkan pensifatan kitab *al-Arba 'ināt* yang paling awal kepada Abd Allāh bin al-Mubārak (m.182H) di antaranya ialah:

⁷⁴ Muḥammad bin Maṭar al-Zahrānī, *Tadwīn al-Sunnah al-Nabawiyah: Nas'atuh wa Tatawwuruh min al-Qarn al-Awwal ila Nihāyah al-Qarn al-Tāsi'* al-Hijrī (Riyadh: Maktabah Dār al-Manhāj, 2005), 79.

⁷⁵ Beliau adalah Abū 'Abd al-Rahmān 'Abd Allāh bin al-Mubārak bin Wādīh al-Marwāzī, mawlā bani al-Ḥanzalah. Dilahirkan pada tahun 118 Hijri bersamaan dengan 736 Masihi. Antaranya gelaran beliau adalah *al-Imām*, *al-Allāmah*, *Sheikh al-Islām*, *Fakhr al-Mujāhidīn*, *Qudwah al-Zāhidīn*. Ayah beliau berasal dari Turki manakala ibunda dari al-Khawārizm. Beliau juga dikenal sebagai seorang saudagar yang rajin melakukan safar (perjalanan), mempunyai karya-karya yang bermanfaa. Di antaranya adalah kitab *al-Zuhd wa al-Raqā'iq*, *al-Birr wa al-Silah* (masih dalam bentuk manuskrip yang disimpan di Maktabah al-Zahiriyyah di Damsyik), *al-Jihād*, *Tafsīr al-Qur'an*, *al-Tārikh*, *al-Arba 'in fi al-Hadīth*, *Riqā' al-Fatawā* dan *al-Musnād*. Lihat Abū 'Abd Allāh Shams al-Dīn Muḥammad al-Dhahabī, *Tadhkīrah al-Huffāz* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 1:274-275 dan Abū al-'Abbās Shams al-Dīn Ibn Khalīkān, Iḥsān 'Abbās, ed., *Wafayāt al-A'yān wa Anba' Abnā' al-Zamān* (Beirut: Dār Ṣādir, t.t.), 3:32. Lihat juga 'Abd Allāh bin al-Mubārak, Subhī al-Badrī al-Sāmīra'i, ed., *Musnad 'Abd Allāh bin al-Mubārak* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, 1987), ص-ض.

1. Abū Tāhir al-Silafī (m.576H) dalam mukaddimah kitab *al-Arba 'in al-Buldāniyyah*.⁷⁶
2. Imam Hafiz Ibn al-Jawzī (m.597H) dalam kitab *al-'Ilal al-Mutanāhiyah*.⁷⁷
3. Imam Sharf al-Dīn al-Nawawī (m.676H) dalam mukaddimah kitab *al-Arba 'in Hadīthan dan Sharḥ Matn al-Arba 'in al-Nawawiyyah*.⁷⁸
4. Saqr al-Dīn Abū 'Alī al-Hasan bin Muḥammad al-Bakrī (m.656H) dalam kitab *al-Arba 'in Hadīthan*.⁷⁹
5. Al-'Allāmah Abū 'Abd Allāh Mūḥammād bin Ja'far al-Kattānī (m.1345H) dalam *al-Risālah al-Mustaṭrafah*.⁸⁰

⁷⁶ Abū Tāhir al-Silafī (m.576H) adalah Ulama yang mula sekali memberikan kenyataan ini, beliau berkata di dalam mukaddimah kitabnya:

فَأَقْدَمُهُمْ: أَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدُ اللَّهِ بْنِ الْمَلَكِ الْمَرْوَزِيِّ. وَبَعْدَهُ: أَبُو عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ أَسْلَمِ الطُّوسِيِّ، وَأَبُو مُحَمَّدِ الْحَسَنِ بْنِ سَفِيَّانَ النُّسُوَيِّ، وَأَبُو بَكْرِ مُحَمَّدِ بْنِ الْحَسَنِ الْأَجْرِيِّ الْبَعْدَادِيِّ، وَمُحَمَّدِ بْنِ الْمَقْرَئِ الْأَصْبَهَانِيِّ، وَالْحَاكَمُ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْبَيْعِ الْنَّيْسَابُورِيِّ، وَبَلْدِيهِ: أَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ مُحَمَّدِ بْنِ الْحَسَنِ السُّلْمَانِيِّ، وَأَبُو سَعْدِ أَحْمَدِ بْنِ الْخَلِيلِ الْمَالِيَّيِّ الْمَرْوَيِّ، أَبُو بَكْرِ مُحَمَّدِ بْنِ أَبِي عَلِيِّ الْمَهْدَانِيِّ وَأَبُو نَعِيمِ أَحْمَدِ بْنِ الْمَهْرَانِيِّ الْأَصْبَهَانِيِّ، وَآخَرُونَ مِنَ الْمَتَّخِرِينَ وَالْمَتَّقْدِمِينَ، أَفَتَصْرِسُهُمْ عَلَى هُؤُلَاءِ الْعَشْرَةِ الْمَخَاطِبِ الْمُعْرَفَةِ.

“Yang paling awal di antara mereka adalah Abū Abd al-Rahmān Abd Allāh bin al-Mubārak al-Marwāzī (m.181H). Setelah beliau adalah Abū Abd Allāh Muḥamad bin Aslam al-Tūsī (m.242H), Abu Muḥammad al-Ḥasan bin Sufyān al-Nasawī (m.303H), Abū Bakr Muḥammad bin al-Husayn al-Ājurī al-Baghdādī (m.360H), Muḥammad bin Ibrāhīm bin al-Muqri al-Āṣbahānī (m.381H), al-Ḥākim Abū Abd Allāh bin Abd Allāh bin al-Bayyi' al-Naysābūrī, Abū Abd al-Rahmān Muḥammad bin al-Husayn al-Sulamī (m.412H), Abū Sa'ad Aḥmad bin Muḥammad bin al-Khalīl al-Mālīnī al-Harawī (m.412M), Abū Bakr Muḥammad bin Aḥmad bin Abd al-Rahmān al-Hamdānī al-Dhikwānī (m.412H), Abū Nu'aym Aḥmad bin Abd Allāh al-Mahrānī al-Āṣbahānī (m.430H), dan golongan mutaakhirin dan mutaqaddimin yang lain yang aku sebutkan terhad pada sepuluh orang huffāz sahaja.” Lihat Al-Silafī, *al-Arba 'in*, 26-27.

⁷⁷ Beliau mengatakan bahawa Abū Abd al-Rahmān Abd Allāh bin al-Mubārak al-Marwāzī (m.181H) adalah orang yang paling awal sekali yang menyusun empat puluh hadith ini, kemudian diekori oleh Abū Abd Allāh Muḥamad bin Aslam al-Tūsī (m.242H), Ahmad bin Harb al-Zāhid (m.234H), Abu Muḥammad al-Ḥasan bin Sufyān al-Nasawī (m.303H), Abū Bakr Muḥammad bin Abū 'Alī (m.388H), Muḥammad bin Abd Allāh al-Jūzaqī (m.388H), al-Ḥākim Abū Abd Allāh al-Naysābūrī (m.405H), Muḥammad bin al-Husayn al-Sulamī (m.412H), Abū Nu'aym Aḥmad bin Abd Allāh al-Āṣfahānī (m.430H), Ismā'īl bin Abd al-Rahmān al-Ṣābūnī (m.449H), Abū Ismā'īl Abd Allāh bin Muḥammad al-Anṣārī (m.481H), Abū al-Qāsim al-Qushayrī (m.465H). Lihat Al-Jawzī, *al-'Ilal al-Mutanāhiyah*, 128-129.

⁷⁸ Beliau juga menyebutkan hal yang sama bahawa yang mula-mula menulis *arba 'ināt* adalah Abd Allah bin al-Mubarak (m.181H). Kemudian setelah itu adalah Ibn Aslam al-Tūsī (m.242H), lalu al-Ḥasan bin al-Sufyān al-Nasā'i (m.303H), Abū Bakr al-Ājurī (m.360H), Abū Bakr Muḥammad bin Ibrāhīm al-Āṣbahānī (m.381H), al-Dāruqutnī (m.385H), al-Ḥākim (m.405H), Abū Nu'aym (m.430H), Abū 'Abd al-Rahmān al-Sulamī (m.412H), Abū Sa'īd al-Mālīnī (m.412H), Abū Uthmān al-Ṣābūnī (m.449H), Abdullah bin Muḥammad al-Anṣārī (m.481H), Abū Bakr al-Bayhāqī (m.458H), dan tak terhitung jumlahnya dari Ulama mutakaddimin mahupun Ulama muta'akhirin. Lihat al-Nawawī, *Sharḥ Matn al-Arba 'in*, 4.

⁷⁹ Al-Ḥasan bin Muḥammad al-Bakrī, Muḥammad Maḥfūz, ed., *al-Arba 'in Hadīthan: Arba 'in min Arba 'in 'an Arba 'in* (cet. ke-3, Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1983), 24.

⁸⁰ Al-Kattānī, *al-Risālah al-Mustaṭrafah*, 323.

6. Sheikh Muḥammad Yāsīn al-Fādānī (m.1410H) dalam mukaddimah kitab *al-Arba ‘ūn Hadīthan*.⁸¹
7. Subḥī al-Badrī al-Sāmira’ī, muhaqqiq kitab *Musnad al-Imām ‘Abd Allāh bin al-Mubārak* karya Imam Abd Allāh bin al-Mubārak (m.181H) mukaddimah kitab tersebut yang membincangkan tentang biografi Ibn al-Mubārak (m.181H).⁸²
8. Abū ‘Abd al-Rahmān Mas’ad bin ‘Abd al-Ḥamīd al-Sa’dānī, muhaqqiq kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* karya Abū Ṭāhir al-Silafī (m.576H), menyebutkannya dalam mukaddimahnya terhadap kitab itu.⁸³
9. Ḥājī Khalīfah dalam kitab *Kashf al-Zunūn*.⁸⁴
10. Dr. Saūd bin ‘Abd Allāh al-Fanīsānī dalam mukaddimah kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*.⁸⁵

Penulisan karya *al-Arba ‘īnāt* ini sering masa dan era telah mengalami kemajuan dengan mempunyai kaedah, bentuk dan motif penyusunan yang semakin pelbagai.

⁸¹ Beliau berkata:

إن جماعة كثرين من أئمة الحديث وعلمائهم جعوا أربعين حديثا في كتاب – وكان أولهم الإمام الزهد عبد الله بن المبارك المزري صاحب كتاب (الزهد) – وتقنوا في هذا الجمع، وزاد بعضهم فيه على الكتاب الواحد فجمع الحافظ أبو القاسم علي بن الحسين بن عساكر عدة أربعينات، وأكثر إسماعيل بن عبد الغفار الفاسي حق بلغت أربعيناته إلى السبعين

“Sesungguhnya ramai dari para imam dan Ulama Hadith telah mengumpulkan empat puluh hadith dalam sebuah kitab – dan yang paling awal dari mereka adalah Imam ahli zuhud, ‘Abd Allāh bin al-Mubārak (m.181H), pengarang kitab *al-Zuhd* – dan mereka telah menjadikan pelbagai macam jenis pada koleksi ini, sebahagian mereka menambahkannya pada sebuah kitab sahaja, kemudian al-Ḥāfiẓ Abū al-Qāsim ‘Ali bin al-Ḥusayn bin ‘Asākir (m.571H) telah mengumpulkan beberapa karya *al-Arba ‘īnāt*. Dan paling banyak adalah Ismā’īl ‘Abd al-Ğāfir al-Fāsī yang koleksi kitab empat puluh hadithnya mencapai sebanyak tujuh puluh buah kitab.” Lihat Yāsīn, *al-Arba ‘ūn Hadīthan*, 3.

⁸² Ketika beliau membincangkan tentang karya-karya pada biografi Imam ‘Abd Allāh bin al-Mubarāk (m.181H), yang salah satunya adalah kitab *al-Arba ‘īn fī al-Hadīth* kemudian memberikan komentar bahawa kitab ini adalah kitab yang mula-mula ditulis dalam bidang *al-Arba ‘īnāt*. Lihat Ibn al-Mubarāk, *Musnad*, ڏ.

⁸³ Al-Silafī, *al-Arba ‘īn*, 5.

⁸⁴ Ḥājī Khalīfah, Muḥammad Sharf al-Dīn Yaltaqiyā, ed., *Kashf al-Zunūn ‘an Asāmi al-Kutub wa al-Funūn* (Kuwait: Dār al-Iḥyā al-Turāth al-‘Arabi, t.th.), 1:57.

⁸⁵ Sa’ūd, *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*, 9.

Penulisan *al-Arba ‘īnāt* tidak sahaja tertumpu atau terhad pada subjek Hadith sahaja, tapi juga pada subjek-subjek yang lain berdasarkan maksud daripada penulisnya.

Untuk mengenali perkembangan penulisan karya ini, pada bahagian berikut akan dihuraikan karya-karya *al-Arba ‘īnāt* yang dihasilkan para Ulama sejak kurun mutaqaddimin sehingga sekarang.

1.7 Sumbangan Ulama dalam Karya *al-Arba ‘īnāt*

Secara umum karya-karya yang telah ditulis oleh para Ulama pada kurun kedua hijri ini terbagi kepada dua macam:⁸⁶

1. Karya-karya yang mengandungi beberapa topik, seperti: kitab *Muwatṭa’*,⁸⁷ kitab *Muṣannaf*,⁸⁸ dan kitab *Jāmi*.⁸⁹
2. Karya-karya yang memiliki tema tertentu atau khusus, seperti: Kitab *al-Jihād*,⁹⁰ Kitab *al-Zuhd*,⁹¹ Kitab *al-Maghāzī wa al-Siyar*.⁹²

Pada kurun sebelumnya (kurun pertama Hijri) telah terdapat dan tersebar ratusan buku kecil tentang Hadith. Namun buku-buku tersebut masih berbentuk semacam koleksi-koleksi yang berisi Hadith Nabi s.a.w. dan juga fatwa-fatwa para sahabat dan tabi’in, tapi penyusunannya belum kemas dan sistematik. Pada akhir kurun kedua Hijri

⁸⁶ Al-Zahrānī, *Tadwīn al-Sunnah*, 81.

⁸⁷ Contohnya kitab *al-Muwatṭa’* karya Imam Mālik bin Anas (m.179H).

⁸⁸ Antara karya-karya *Muṣannaf* pada kurun ini adalah *al-Muṣannaf* karya Shu’bah bin al-Hajjāj (m.160H), *al-Muṣannaf* karya Sufyān bin ‘Uyaynāh (m.198H), *al-Muṣannaf* karya al-Layth bin Sa‘ad al-Fahmī (m.175H), *al-Muṣannaf* karya al-Auza’ī (m.150H).

⁸⁹ Seperti kitab *al-Jāmi’* karya ‘Abd al-Razzāq bin Hammām al-Şan’ānī (m.211H).

⁹⁰ Seperti kitab *al-Jihād* karya ‘Abd Allāh bin al-Mubārak (m.181H).

⁹¹ Seperti kitab *al-Zuhd wa al-Raqā’iq* karya ‘Abd Allāh bin al-Mubārak (m.181H).

⁹² Antaranya adalah kitab *al-Maghāzī wa al-Siyar* karya Muḥammad bin Ishāq bin Yasār (m.151H), dan kitab *al-Maghāzī al-Nabawiyyah* karya Muḥammad bin al-Wāqidī al-Aslāmī (m.207H).

karya-karya Hadith mula disusun secara sistematik dan telah memisahkan Hadith-hadish Nabi s.a.w. dari fatwa-fatwa sahabat dan tabi'in.⁹³

Pada kurun ini (ke 2 Hijri) pula Hadith Nabi s.a.w. mula dikumpulkan secara menyeluruh dan disusun dengan kemas berdasarkan bab dan fasal,⁹⁴ bersamaan lahirnya karya-karya Hadith yang disusun dengan beberapa bentuk dan sistematika tertentu.

Metode penyusunan Hadith pada kurun ke 2 Hijri ini adalah mengumpulkan Hadith yang bersesuaian dalam satu bab, kemudian mengumpulkan beberapa bab atau kitab-kitab dalam satu buku. Manakala bentuk penulisan karya sebelumnya hanya menulis Hadith sahaja tanpa menyusunnya secara tertib dan selektif.⁹⁵

Penulisan karya *al-Arba'īnāt* pula bermula pada kurun ke 2 Hijri ini, kemudian berlanjutan dari masa ke masa.⁹⁶ Jumlah karya yang telah dihasilkan sehingga sekarang sangat banyak, malah pada awal kurun ke 5 Hijri, dikatakan bahawa karya tersebut mencapai jumlah melebihi angka 70 buah karya ini. Kenyataan ini disampaikan oleh Ismā'īl bin 'Abd al-Ghāfir al-Fārisī⁹⁷ (m.504H) yang telah melakukan penelitian terkait dengan jumlah karya *al-Arba'īnāt* yang telah ditulis, maka beliau berjaya mendapati karya-karya tersebut melebihi 70 buah karya *al-Arba'īnāt*.⁹⁸

⁹³ Lihat Muhammad Muṣṭafā A'zamī, *Studies in Hadith Methodology and Literature* (Indianapolis: American Trust Publications, 1997), 21-22.

⁹⁴ Al-Zahrānī, *Tadwīn al-Sunnah*, 78.

⁹⁵ *Ibid*, 80.

⁹⁶ Beberapa literatur telah menyebutkan yang paling mula menulis karya *al-Arba'īnāt* adalah 'Abd Allah bin al-Mubarak (m.181H) yang merupakan tokoh Ulama Hadith kurun ke 2 Hijri.

⁹⁷ Beliau adalah Isma'īl bin Abū al-Ḥusayn 'Abd al-Ghaffār bin Muḥammad al-Fārisī, al-Naysābūrī, wafat pada tahun 504 Hijri. Beliau meriwayatkan dari Abū Ḥassān al-Muzakkī (m.432H), Abd al-Rahmān Ibn Ḥamdān al-Naṣrāwī dan orang-orang pada generasi mereka berdua. Lihat Shihāb al-Dīn Abū Falāh 'Abd al-Ḥayy bin Aḥmad bin Muḥammad al-'Akārī al-Ḥanbālī, 'Abd al-Qādir al-Arnāūt dan Maḥmūd al-Arnāūt, ed., *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab* (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1986), 6:14.

⁹⁸ Kenyataan ini telah pun diriwayatkan oleh Abū Ṭāhir al-Silafī (m.576H) pada mukaddimah kitab *al-Arba'īn al-Buldāniyyah* miliknya yang beliau telah mendengar Abū 'Abd Allāh al-Sā'īdī di Naysābūr berkata bahawa beliau telah mendengar Ismā'īl bin 'Abd al-Ghāfir al-Fārisī (m.504H) berkata: "Ketika aku melihat keprihatinan para ulama hadith terhadap penulisan *al-Arba'īnāt*, maka saya pun bermaksud untuk mengumpulkan karya-karya tersebut sehingga saya mendapatkan jumlahnya mencapai lebih dari 70 buah." Lihat Al-Silafī, *al-Arba'īn*, h. 27.

1.7.1 Kurun Mutaqaddimin

Para Ulama berbeza dalam menetapkan sempadan pemisah antara generasi mutaqaddimin dengan muta'akhirin. Imam al-Dhahabī (m.748H) memberikan kenyataan bahawa pemisah antara kurun mutaqaddimin dan muta'akhirin adalah pada awal tahun 300 Hijri (kurun ke-3 H).⁹⁹

Pembahagian kurun oleh al-Dhahabī (m.748H) ini pula disokong oleh Sheikh Muḥammad bin al-Amin al-Dimashqī, murid Sheikh al-Muḥaddith ‘Abd al-Qādir al-Arnā’ūt (m.1415H) memberikan kenyataan dalam website beliau tentang sempadan pemisah antara mutaqaddimin dan muta'akhirin bahawa era *Salaf al-Šālih* telah berakhir dengan sempadan tahun 300 Hijri, maka Imam al-Nasā’ī (beliau ialah yang terakhir daripada Imam yang enam, yang menyusun kitab-kitab yang terkenal dalam sunnah) merupakan penutup *salaf* yang wafat pada tahun 303 Hijri. Maka siapa pun yang wafat selepas itu tidak dianggap sebagai *Salaf*.¹⁰⁰ Di samping Sheikh Muḥammad bin al-Amin al-Dimashqī juga memberikan kenyataan yang secara purata era golongan yang meriwayatkan (Hadith) daripada *atba' al-tābi'īn* berakhir dengan berakhirnya kurun ke-3 Hijri.¹⁰¹

Berdasarkan penjelasan tersebut dapat dikatakan bahawa Ulama mutaqaddimin adalah Ulama yang hidup pada masa periwayatan Hadith dan berakhir pada kurun ke 3 Hijri, manakala Ulama mutakahirin pula adalah generasi yang hidup selepas itu.

⁹⁹ Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān al-Dhahabī, ‘Alī Muḥammad al-Bukhārī, ed., *Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijālī*, 1:4.

¹⁰⁰ Muḥammad bin al-Amin al-Dimashqī, “al-Hadd al-Fāṣil Bayn al-Mutaqaddimin wa al-Muta’akhkhirin”, laman sesawang *Mawqi‘ al-Sheikh Muḥammad al-Amin*, dicapai 15 April 2013, http://www.ibnamin.com/distinct_date.htm.

¹⁰¹ *Ibid.*

1.7.1(a) Karya-Karya *al-Arba'īnāt* pada Kurun ke-2 Hijri

Kurun kedua Hijri ini merupakan *tabaqah* keempat ditinjau dari aspek tahapan historiografi Hadith, iaitu priode ‘*Aṣr al-Kitābah wa al-Tadwīn* (masa penulisan dan pendewanan/ pembukuan Hadith).¹⁰²

Pada kurun ini karya *al-Arba'īnāt* hanya ada sesebuah sahaja yang ditulis oleh seorang Ulama dan penulis Hadith yang terkenal, Imam ‘Abd Allāh bin al-Mubārak (m.181H) iaitu *al-Arba'īn fī al-Hadīth*. Karya ini merupakan karya *al-Arba'īnāt* yang paling awal ditulis seperti yang telah dijelaskan sebelumnya.

Menurut Sayyid Ṣubḥī al-Badrī al-Sāmīrāī, muhaqqiq kitab *Musnad 'Abd Allāh bin al-Mubārak* menyebutkan bahawa karya ini masih dalam bentuk *makhṭūṭ* (manuskrip) dan belum dicetak. Salinan (naskah) daripadanya terdapat di Pusat Kajian Ilmiyah, Universiti Umm al-Qurā, Makkah al-Mukarramah gambarannya daripada Indonesia dalam 2 kertas (lembaran).¹⁰³

1.7.1(b) Karya-Karya *al-Arba'īnāt* pada Kurun ke-3 Hijri

Kurun ini merupakan periode dimulainya pemurnian, pembetulan, dan penyempurnaan terhadap Hadith atau disebut juga dengan ‘*āṣr al-tajrīd wa al-taṣḥīḥ wa al-tanqīḥ*'. Periode ini merupakan punca daripada usaha pengkodifikasian Hadith Nabi s.a.w. pada kurun ke-3 Hijri ini dihasilkannya banyak kitab-kitab Hadith dan kitab-kitab Hadith yang menjadi rujukan kaum Muslimin sehingga sekarang ini.

Bersamaan dengan itu, karya *al-Arba'īnāt* mula dihasilkan setelah karya *arba'īnāt* Ibn al-Mubārak (m.181H). Pada kurun ini terdapat sebanyak tiga buah karya

¹⁰² Teungku Muhammad Hasbi ash-Shiddieqy , *Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadits* (2009; cet. ke-4, Semarang: Pustaka Rizki Putra, 2010), 25 & 52. Lihat juga M. Syuhudi Ismail, *Pengantar Ilmu Hadits* (Bandung: Penerbit Angkasa, 1991), 101.

¹⁰³ Al-Silafī, *al-Arba'īn*, 5 dan Ibn al-Mubarāk, *Musnad*, ﻣوسي

arba'īnāt, dan kecenderungan Hadith yang dikumpulkan berkaitan dalam masalah hukum-hukum fekah. Karya-karya yang dimaksud ialah:

1. Kitab *al-Arba'īn li al-Tūsī* karya Abū al-Hasan Muḥammad bin Aslam al-Tūsī (m.242H). Kitab ini merupakan karya kedua *al-Arba'īnāt* setelah kitab *al-Arba'īn* Ibn al-Mubārak (m.181M).¹⁰⁴ Penulisnya mentartibkan kitabnya ini berdasarkan kepada 40 puluh bab-bab fekah, dimulai dengan Hadith tentang seorang muslim adalah yang muslim yang lain selamat dari ganguan lisan dan tangannya. Kemudian diikuti dengan bab tentang tatacara (kaifiyat) berwuduk, perkara mengusap khuff, mandi janabah, dan Hadith lainnya yang disusun berdasarkan bab-bab fekah lainnya.
2. Kitab *al-Arba'īn* karya Imam Aḥmad bin Ḥarb Ibn Fayrūz al-Naysābūrī (m.234).¹⁰⁵
3. Kitab *al-Arba'īn* karya al-Ḥasan bin Sufyān al-Nasā'ī¹⁰⁶(m.303H). Kitab ini merupakan kitab ketiga dalam karya *al-Arba'īnāt* setelah *arba'īn* karya al-Tūsī (m.242H).¹⁰⁷ Hadith yang dikumpulkan berdasarkan tema-tema fekah, tetapi

¹⁰⁴ Di dalamnya terdapat sebanyak 42 hadith yang berkaitan tentang urusan ibadah dan mu'amalat seorang muslim dengan ahli keluarga, kedua ibu bapa, hubungan rahim, jiran dan selain mereka. Pengarangnya memberi tajuk bagi bab-babnya dan membawakan dalam setiap bab itu sebanyak satu atau dua buah. Lihat Ziyad, “Al-Arba'īnāt al-Ḥadīthiyyah”, 607.

¹⁰⁵ Imam al-Dhahabī (m.748H) yang telah menisbatkan kitab *al-Arba'īn* ini kepada Ahmad bin Ḥarb (m.234H). Beliau telah meyebutkannya di dalam kitabnya *al-Siyar*. Lihat Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabī, *Shu'ayb al-Arnā'ut* dan *Ṣāliḥ al-Sam*, ed., *Siyar A'lām al-Nubalā'* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1982), 11:33.

¹⁰⁶ Beliau adalah al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Thabt Abū al-'Abbās al-Ḥasan bin Sufyān bin 'Āmir bin 'Abd al-'Azīz bin al-Nu'mān bin 'Atā' al-Shaybānī al-Khurāsānī al-Nasawī. Seorang ahli hadith, ahli fekah, dan sastrawan, penulis kitab *Musnad* dan *al-Arba'īn*. Dilahirkan pada tahun 213 Hijri. Di antara guru-guru beliau adalah Imam Aḥmad bin Ḥanbal (m.241H), Qutaybah bin Sa'īd (m.240H), Yaḥyā bin Ma'īn (m.233H), Ishāq bin Rāhawayh (m.238H), dan lain-lain. Beliau pula satu kurun dengan Abū Ya'lā (m.307H), pengarang kitab *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣūlī*. Di antara karya-karya beliau adalah *al-Arba'īn*, *al-Jāmi'*, *al-Musnad al-Kabīr*, dan *al-Mu'jam* dan *al-Wuḍdān*. Beliau wafat pada tahun 303 H. lihat: Abū al-'Abbās al-Ḥasan bin Sufyān al-Nasawī, Muḥammad bin Nāṣir al-'Ajāmī, ed., *al-Arba'īn: wa Huwa Thālith al-Arba'īnāt fī al-Ḥadīth al-Sharīf* (Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, t.t.), 9-14.

¹⁰⁷ Berdasarkan terbitan Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah kitab ini bertajuk *Kitāb al-Arba'īn: wa Huwa Thālith al-Arba'īnāt fī al-Ḥadīth al-Sharīf* yang bermaksud bahawa kitab *al-Arba'īn*: karya ketiga penulisan *al-Arba'īnāt* dalam hadith Nabi s.a.w. Kitab ini yang mengandungi sebanyak 45 hadith tentang pelbagai perkara agama, yang susun berdasarkan bab-bab dalam tajuk yang pelbagai, dimulai dengan bab *al-Imān*, dan diakhirkannya dengan satu bab tanpa disebutkan tajuknya yang mengandungi 2 buah hadith tenang kelebihan menghafaz 40 hadith riwayat daripada Anas bin Mālik r.a. dan Ibn 'Abbās r.a.

penulisnya memulakan Hadithnya tentang keimanan, targhib tentang menunaikan keperluan seorang muslim, tarhib tentang menyusahkan seorang muslim, menyelisih sunnah, tidak amanah, berdusta dan khianat, kemudian dimulai dengan Hadith tentang niat dan diikuti dengan wudu' dan seterusnya yang berkenaan dalam masalah fekah lainnya.

1.7.2 Kurun Muta'akhirin

1.7.2(a) Karya-Karya *al-Arba'īnāt* Kurun ke-4

Kurun ini merupakan awal masuknya generasi muta'akhirin. Usaha Ulama pada generasi ini adalah melakukan *tahdhīb*, *sharḥ* dan *ikhtiṣār* terhadap kitab-kitab Hadith yang masyhur.¹⁰⁸ Penulisan karya-karya *al-Arba'īnāt* pada kurun mula banyak dihasilkan, dan tema-tema Hadith yang dikumpulkan lebih pelbagai serta tidak terhad pada tema fekah sahaja.

Di antara karya-karya *arba'īnāt* yang telah dihasilkan pada kurun ini ialah:

1. Kitab *al-Arba'īn* karya Abū al-Hasan ‘Alī bin ‘Umar al-Dāruquṭnī (m.385H).¹⁰⁹
2. Kitab *al-Arba'īn Ḥadīthan* karya Abū Bakr Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Ājuri (m.360H).¹¹⁰

¹⁰⁸ Şubhī al-Ṣāliḥ, ‘Ulūm al-Ḥadīth wa Muṣṭalaḥuh ‘Araq wa al-Dirāsah (1959; cet. ke-15, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 1984), 48.

¹⁰⁹ Di antara yang menisbatkan dan mentauthiqkan kitab ini dinisbatkan kepada Imam al-Dāruquṭnī (m.385H) ialah Sayyid Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ja’far al-Kattānī dalam *al-Risālah al-Mustāṭrafah*. Lihat Al-Kattānī, *al-Risālah al-Mustāṭrafah*, 324.

¹¹⁰ Imam al-Ājuri (m.360H) pernah ditanya tentang hadith kelebihan menghafaz 40 hadith, yakni mencukupkah sekadar menghafaz 40 hadith sahaja boleh memperolehi kelebihan yang disebutkan dalam hadith itu, padahal sunnah Rasulullah s.a.w. sangatlah banyak dan hampir tidak boleh dikira. Maka beliau berusaha untuk mengumpulkan empat puluh hadith yang boleh mencakupi dan member manfaat dalam agama dan bagi orang yang mendengarkannya. Selanjutnya lihat Al-Ājuri, *Kitāb al-Arba'īn*, 65-71. Di dalam kitab ini Beliau mengumpulkan sebanyak 40 hadith yang dimulai dengan hadith kelebihan orang yang faqih dalam agama. Kemudian memberikan komentar dan penjelasan terhadap makna hadith itu. Hal ini sentiasa dilakukannya dalam setiap hadith-hadith yang disebutkan di dalamnya kitabnya tersebut. Setelah memperbincangkan hadith ini, beliau menyebutkan hadith tentang kewajiban berilmu dan menuntut ilmu sebelum ilmu tersebut dihilangkan dan diangkat bersamaan dengan penjelasannya. Lalu

3. Kitab *al-Arba 'in* karya Abū Bakr Muḥammad bin Isḥāq al-Bukhārī al-Kalabadhī (m.380H).
4. Kitab *al-Arba 'in* karya Abū Bakr Muḥammad bin Ibrāhīm al-Asbahānī (m.381H).
5. Kitab *al-Arba 'in* karya Abū Bakr Muḥammad bin Abd Allāh al-Jūzaqī (m.388H).
6. Kitab *al-Arba 'in fi al- Ḥadīth* karya Imam Abū ‘Abd Allāh al-Hākim al-Naysābūrī (m.405H).

1.7.2(b) Karya-Karya *al-Arba 'ināt* pada Kurun ke-5 Hijri

Pada kurun ini keprihatinan para Ulama terhadap pengkaryaan *al-Arba 'ināt* semakin besar. Motif dan *mawdu‘* pada penulisan *al-Arba 'ināt* ini bukan sahaja Hadith yang dikumpulkan sebanyak 40 buah dengan pelbagai tema, seperti tentang dalil-dalil tauhid karya Abū Ismā'īl al-Anṣārī (m.481H), dan tema-tema tertentu dalam masalah-masalah tertentu.

Malah penyusunan empat puluh di sini tidak terhad pada subjek Hadith sahaja, tetapi meluas pada pengumpulan subjek lain selain Hadith, contoh koleksi 40 nama-nama guru atau tokoh-tokoh tertentu karya al-Harawī (m.412H), atau tentang madhab ilmu kalam dan lainnya.

Di antara karya-karya *al-Arba 'ināt* pada kurun ini ialah:

1. Kitab *al-Arba 'in* karya Abū ‘Abd al-Rahmān Aḥmad bin Ibrāhīm al-Sulamī (m.412H).

beliau menyebutkan hadith ‘Umar bin al-Khaṭṭāb tentang niat pada hadith ketiganya. Hadith keempat pula mengenai lima asas rukun Islam, manakala pada hadith kelima ialah tentang hadith Jibril a.s. yakni tentang Islam, Iman dan Ihsan, dan seterusnya beliau menyebutkan hadith-hadith yang bermanfaat bagi agama disisi pengarang bersamaan dengan penjelasan tentang makna setiap hadith yang disebutkannya.

2. Kitab *al-Arba'īn fi Shuyūkh al-Ṣūfiyyah* karya Abū Sa'id Aḥmad bin Muḥammad al-Anṣārī al-Harawī al-Malīnī (m.412H).¹¹¹
3. Kitab *al-Arba'īn Ḥādīthan 'ala Madhab al-Mutahaqiqīn min al-Ṣūfiyyah* dan kitab *al-Arba'īn Ḥadīthan fī Madhab Ahl al-Sunnah* karya Abū Nu'aym Aḥmad bin 'Abd Allāh al-Asbahānī (m.430H).
4. Kitab *al-Arba'īn al-Ṣughrā* karya Imam al-Bayhaqī (m.458H).
5. Kitab *al-Arba'īn Ḥadīthan* karya Imam Abū al-Qāsim 'Abd al-Karīm bin Hawāzin al-Naysābūrī (m.465H).
6. Kitab *Aḥadīth Muntakhabah min Kitāb al-Arba'īn* karya Abū Bakr Muḥammad bin Ibrāhīm al-Mustamīlī al-Asbahānī (m.466H).
7. Kitab *al-Arba'īn fi Dalā'il al-Tawḥīd* karya Abū Ismā'īl al-Anṣārī (m.481H).
8. Kitab *al-Arba'īn Ḥadīthan* karya Hafiz Abū 'Abd Allāh al-Qāsim Ibn al-Faḍl al-Asbahānī (m.489H).
9. Kitab *al-Arba'īn* karya Hafiz Naṣr bin Ibrāhīm bin Naṣr al-Maqdisī (m.490H).
10. Kitab *al-Arba'īn al-Wad'āniyyah* karya Qāḍī Abū Naṣr Muḥammad bin 'Alī Ibn 'Abd Allāh al-Mauṣūlī al-Wad'ānī (m.494H).
11. Kitab *al-Arba'īn fī Uṣūl al-Dīn* karya Imam Abū Ḥāmid al-Ghazālī (m.505H).

1.7.2(c) Karya-Karya *al-Arba'īnat* pada Kurun ke-6 Hijri

Penulisan dan penyusunan kitab *al-Arba'īnat* pada kurun ini telah semakin berkembang kepada Hadith yang dikeluarkan daripada sanad-sanad atau guru-guru penulisnya atau para guru yang disusun berdasarkan tempat yang berbeza, seperti *al-Arba'īn al-Buldāniyyah* karya Abū Tāhir al-Silafī (m.576H).

¹¹¹ Kitab ini mengandungi sebanyak 40 nama-nama para Sheikh Sufi yang terkenal yang dikumpulkan oleh penulisnya, dan bukan kitab yang mengandungi koleksi hadith-hadith Nabi s.a.w.

Dapat pula dikatakan pada kurun ini awal penulisan *al-Arba 'īnāt al-Buldāniyyah* dan penghimpunan 40 guru atau Hadith berdasarkan sanad daripada 40 guru dimulai dan dihasilkan.

Di antara karya-karya *al-Arba 'īnāt* pada kurun ini ialah:

1. Kitab *al-Arba 'īn* karya Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin al-Faḍl bin Aḥmad al-Fazārī (m.530H).
2. Kitab *al-Arba 'īn al-Subā'iyyah al-Mukharrajah min Masmū'at Abī al-As'ad* karya Hibah al-Rahmān bin 'Abd al-Wāhid al-Qushayrī al-Naysabūrī (m.546H).
3. Kitab *al-Arba 'īn 'an Arba 'īn Shaykhan min Mashā'yikh al-Dīn* karya 'Abd al-Khalīq bin Zāhir bin Tāhir al-Shahīd (m.549H).
4. Kitab *al-Arba 'īn fī Irshād al-Sā'irin ilā Manāzil al-Muttaqīn* karya Muḥammad bin Muḥammad bin 'Alī al-Tā'i al-Hamadhānī (m.555H).
5. Kitab *al-Arba 'īn Hādiṭhan fī al-'Afw wa al-Ghufrān bi al-Asānid al-Muttaṣilah* karya Abū Bakr Muḥammad bin 'Alī bin Abū al-Qāsim al-Tūsī (m.570H).
6. Kitab *Arba 'īn al-Tiwal min al-Āḥādīth al-Sihāh wa al-Gharā'ib al-'Iwāl fī Dalā'il Nubuwah al-Rasūl al-Muṣṭafā wa Faḍā'il al-Šaḥābah al-ladhīna ikhtirāhum Allāh li Suhbatih wa iṣṭafā, kitab *al-Arba 'īn al-Buldāniyyah* dan kitab *Arba 'īn fī al-Hath al-Jihād*¹¹² karya Abū al-Qāsim 'Alī bin 'Asākir (m.571H).*
7. Kitab *Arba 'īn al-Buldāniyyah* karya Abū Tāhir Aḥmad bin Muḥammad al-Asbahānī al-Silafī (m.576H).
8. Kitab *al-Arba 'īn al-Muntaqāh fī Faḍā'il al-Murtadā 'Alayh Ridwān al-'Alī al-'A'lā* karya Abū al-Khayr Aḥmad bin Ismā'il bin Yūsuf al-Qaswaynī (m.590H).
9. Kitab *al-Arba 'īn* karya Abū al-Farj Muḥammad bin 'Abd bin 'Abd al-Rahmān bin Abū al-'Izz al-Muqrī.

¹¹² Kitab ini adalah kitab *al-Arba 'īnāt* tentang hadith-hadith berkaitan bab jihad.

10. Kitab *al-Arba 'īn al-Awālī* karya Abū al-Ma'ālī 'Abd al-Mun'im al-Naysābūrī (m.587H).
11. Kitab *al-Arba 'īn* karya Abū Muḥammad al-Qāsim bin Hafiz Ibn 'Asākir (m.601H).
12. Kitab *al-Arba 'īn* karya Badr al-Dīn bin Abū al-Mu'ammar Ismā'il al-Tibrīzī (m.601H).

1.7.2(d) Karya-Karya *al-Arba 'īnāt* pada Kurun ke-7 Hijri

Pada kurun ini pula, penulisan karya *al-Arba 'īnāt* dikumpulkan berdasarkan kedudukan atau keutamaan tokoh tertentu, seperti kelebihan kedudukan Aishah r.a. karya Ibn 'Asākir (m.620), atau kelebihan satu amalan tertentu seperti karya Hadith tentang keutamaan haji dan ziyarah karya Muḥammad al-Andalūsī (m.663H), atau tema-tema umum yang merangkumi perkara-perkara penting dalam agama.

Di antara karya-karya *al-Arba 'īnāt* yang telah dihasilkan ialah:

1. Kitab *al-Arba 'īn al-Buldāniyyah al-Mutabāyinah al-Asānid* Hafiz 'Abd al-Qādir al-Rahāwī al-Hanbalī (m.612H).
2. Kitab *al-Arba 'īn* karya Abū al-Qāsim Muḥammad bin 'Abd al-Wāhid al-Malāhi
3. Kitab *al-Arba 'īn fī Manāqib Ummahāt al-Mu'minīn* karya Fakhr al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin al-Ḥasan Ibn 'Asākir (m.620).
4. Kitab *al-Arba 'īn fī Adhkār al-Masā' wa al-Ṣabāh* karya Muḥammad bin Aḥmad Ibn al-Baṭṭāl (m.630H)
5. Kitab *al-Arba 'īn min Arba 'īn 'an Arba 'īn* dan kitab *al-Arba 'īn al-Buldāniyyah* karya Abū 'Alī al-Ḥasan bin Muḥammad al-Bakrī (m.656H).
6. Kitab *al-Arba 'īn al-Aḥkāmiyyah* dan kitab *al-Arba 'īn Ḥadīthan fī Iṣtinā'* karya Hafiz 'Abd al-'Azīz bin 'Abd al-Qawī al-Mundhiri (m.656H).

7. Kitab *al-Arba 'in al-Mukhtarah fi Fādl al-Hajj wa al-Ziyārah* karya Hafiz Jamal al-Dīn Abū Bakr Mūhammad al-Andaluṣī (m.663H).
8. Kitab *al-Arba 'in al-Buldāniyyah* karya Abū Muẓaffar Maṇṣūr bin Salīm al-Iskandarānī (m.673H).
9. Kitab *al-Arba 'in al-Nawawiyah* Kitab *al-Arba 'in fi Mabāni al-Islām wa Qawā'id al-Aḥkām* Yaḥyā bin Sharf al-Dīn al-Nawawī (m.676H).¹¹³
10. Kitab *al-Arba 'in* karya Abū al-'Abbās Aḥmad bin al-Ζāhirī al-Ḥalabī (m.696H).

Penulisan dan perkembangan karya *al-Arba 'ināt* pada kurun ini boleh dikatakan zaman kemuncak bagi karya *al-Arba 'ināt*. Pada kurun ini juga terdapat sesesebuah kitab *al-Arba 'in* yang paling masyhur dikalangan umat Islam sehingga kini. Karya tersebut telah diusahakan dan dihasilkan oleh Imam al-Nawawī (m.676H).

Kemuncak yang dimaksud bukan banyaknya jumlah kitab *al-Arba 'ināt* yang dihasilkan tetapi pada kurun ini karya *al-Arba 'ināt* mula dikenali dan mendapat perhatian yang istimewa.

Hal itu tampak dari besarnya keprihatinan para Ulama dan generasi setelah Imam Nawawī yang melakukan pensyaraahan terhadap kitab *al-Arba 'ināt* karya beliau ini mahupun tambahan seperti yang dilakukan oleh Ibn Rajab al-Ḥanbalī (m.795H) dalam *Jāmi' al-'Ulūm wa al-Hikām*. Dan tidak terbilang jumlah kitab yang telah menulis syarahan bagi kitab *Arba 'in al-Imām al-Nawawī* ini sehingga kurun sekarang ini.

Karya-karya *al-Arba 'ināt* setelah kurun ini kebanyakannya mengikut pada metode penulisan kitab *al-Arba 'in* pada kurun ini dan kurun-kurun sebelumnya, dan tidak ada hal yang baru lagi yang dilakukan oleh generasi setelah generasi kurun ini dalam pengkaryaan *al-Arba 'ināt*.

¹¹³ Yāsīn, *al-Arba 'in Hadīthan*, 3.

1.7.2(e) Karya-Karya *al-Arba’īnāt* pada Kurun ke-8 Hijri

Seperti yang telah disebutkan sebelumnya, tema-tema *al-Arba’īnāt* pada kurun ini dan setelah ini lebih banyak mengikut atau menerusi metode penulisan *al-Arba’īnāt* sebelumnya. Tidak ada kekhususan tertentu dalam bentuk atau metode penulisan kitab *al-Arba’īnāt* dalam kurun setelah kurun ke-7 Hijri sebelumnya.

Di antara karya-karya *al-Arba’īnāt* pada kurun ini ialah:

1. Kitab *al-Arba’īn fī al-Aḥkām* karya Abū Muḥammad Ibrāhīm bin ‘Umar al-Ja’barī (m.732H).
2. Kitab *al-Arba’īn al-Tusa’iyyah al-Isnād al-Mukharrajah ‘an Thalāthah ‘Ashara Shaykhan min Ahl al-Sadad* karya Imam al-Qāḍī Ibn Jamā’ah al-Kinānī al-Hamāwī, Abū Abd Allāh Badr al-Dīn Muḥammad bin Ibrāhīm (m.733H).
3. Kitab *al-Arba’īn fī Ṣifāt Rabb al-Ālamīn* dan kitab *al-Arba’ūn al-Buldāniyyah al-Makhrrajah min al-Mu’jam al-Ṣaghīr li al-Ṭabrānī* karya Shams al-Dīn Muuhammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabī (m.748H).
4. Kitab *al-Arba’īn* karya Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Wāfi (m.749H).
5. Kitab *al-Arba’īn Hadīthan fī al-‘Ibādāt* karya Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Makki (m.786H).

1.7.2(f) Karya-Karya *al-Arba’īnāt* pada Kurun ke-9 Hijri

Karya-karya *al-Arba’īnāt* pada kurun ini tidak banyak menghasilkan metode atau kaedah penulisan jenis ini. Ianya hanya sebagai penerus daripada metode dan bentuk penulisan sebelumnya.

Tetapi beberapa kekhasan pengkaryaan *al-Arba’īnāt* pada kurun ini adalah penekanannya bagi masalah sanad atau *isnad* Hadith. Di antara karya-karya *al-Arba’īnāt* kurun ini ialah:

1. Kitab *al-Arba 'īn al-'Ushariyyah al-Sāmiyyah* karya Imam Hafiz Zayn al-Dīn Abd al-Rahīm bin al-Ḥusayn al-'Irāqī (m.806H).
2. Kitab *al-Arba 'īn Ḥadīthan* karya Abū Faḍl 'Abd al-Rahmān bin 'Umar bin Ruslān al-Kinānī (m.824H).
3. Kitab *al-Āḥādīth al-Arba 'īn al-Mutabāyinah al-Isnād* karya Aḥmad bin Muḥammad al-Fāṣī al-Husaynī (m.832H).
4. Kitab *al-Arba 'īn Ḥadīthan fī al-Akhlāq* karya Muḥammad bin Abu Bakr (m.839H).
5. Kitab *al-Āḥādīth al-Arba 'ūn al-Mutabāyinah al-Asānīd wa al-Matan* karya Muḥammad bin Abū Bakr al-Qīsī (m.842H).
6. Kitab *al-Arba 'īn fī Rad' al-Mujrim 'an Sabb al-Muslim* dan *al-Imta' bi al-Arba 'īn al-Mutabāyinah al-Samā'* karya Hafiz Aḥmad bin 'Alī bin Muḥammad al-'Asqalānī (m.852H).
7. Kitab *al-Arba 'īn Ḥadīthan wa Ma'a Kull Ḥadīth Hikāyah* karya Muḥammad bin Abū Bakr al-'Adawī Ibn Zurayq (m.900H).
8. Kitab *al-Āḥādīth al-Buldāniyyāt* karya Muḥammad bin 'Abd al-Rahmān al-Sakhawī (m.902H).

1.7.2(g) Karya-Karya *al-Arba 'īnāt* pada Kurun ke-10 Hijri

Pada kurun ini karya-karya yang dihasilkan bersifat tematik atau tema-tema tertentu. Setengahnya menulis dengan tema yang sama seperti kurun 9 Hijri sebelumnya, tetapi dengan bentuk yang berbeza, misal kitab *al-Arba 'īn al-Musalsalah* karya Yūsuf bin Ḥasan al-Ḥanbali (m.909H). Setengah lagi ada yang menyusunnya berdasarkan tema kaedah-kaedah fekah seperti yang diusahakan oleh al-Suyūṭī (m.911H).

Di antara karya-karya *al-Arba 'īnāt* yang dihasilkan pada kurun ini ialah:

1. Kitab *al-Arba'īn al-Musalsalah al-Mutabāyinah al-Asānīd* karya Yūsuf bin Hasan bin Aḥmad bin ‘Abd al-Hādī al-Ḥanbālī (m.909H).
2. Kitab *al-Arba'īn Ḥadīthan fī Qawā'id min Aḥkām al-Shar'iyyah wa Faḍā'il al-A'māl wa al-Zuhd* karya Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūṭī (m.911H).
3. Kitab *Arba'īn Ḥadīthan min al-Abdāl al-'Iwālī* karya Muḥammad bin ‘Alī al-Ḥanafī (m.953H).
4. Kitab *al-Aḥadīth al-Arba'īn fī Faḍl al-Rahmāh wa al-Rahimīn* karya Muḥammad bin ‘Alī bin Tawlūn al-Ṣāliḥī al-Ḥanafī (m.953H).
5. Kitab *Arba'īn Ḥadīthan fī Faḍā'il Āyah al-Kursī* karya Yūsuf bin ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī (m.958H).
6. Kitab *al-Arba'īn* karya Yūnus ‘Abd Allāh Jamāl al-Dīn al-Ḥusaynī (m.958H).
7. Kitab *Arba'īn Ḥadīthan fī al-Sunan* karya Muḥammad ‘Alī Birkālī (m.981H).
8. Kitab *Arba'īn Ḥadīthan fī Tārikh al-Ṣalāh wa Māni' al-Zakāh* karya Najm al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Ghaytī al-Iskandarī (m.981H).

1.7.2(h) Karya-Karya *al-Arba'īnāt* pada Kurun ke-11 Sehingga Kini

Penulisan karya-karya *al-Arba'īnāt* pada kurun ini tidak lagi semarak seperti kurun sebelumnya. Kebanyakan karya-karya setelahnya berupa syarah, takhrij dan terjemah Hadith yang dikumpulkan dalam kitab *al-Arba'īn* karya Imam al-Nawawī (m.767H).

Tetapi pada kurun ini tema yang disusun lebih pelbagai dan banyak mencontoh kepada bentuk atau metode sebelumnya, sama ada tema yang bersifat umum, khas pada satu tema sahaja, berkaitan dengan kelebihan amal, himpunan Hadith qudsi, koleksi Hadith yang mutawatir, mahupun tema yang disusun berdasarkan sanad guru.

Selain itu, walaupun penulisan karya ini banyak mencontoh atau menerusi metode dan kaedah ulama sebelumnya, tapi kitab-kitab yang telah dihasilkan dan

diterbitkan mempunyai kelebihan tertentu dari aspek sistematika penulisannya, kandungan isinya.

Setakat ini terdapat beberapa sahaja karya *al-Arba 'īnāt* para kurun ini yang dapat dikesan, antaranya ialah:

1. Kitab *al-Aḥādīth al-Qudsiyah al-Arba 'īniyyah* karya Mułā 'Alī al-Qārī (m.1114H).
2. Kitab *Arba 'īn Ḥadīthan* karya Muḥammad bin 'Umar al-'Alimī (m.1038H).
3. Kitab *Arba 'īn Ḥadīthan min Jawāmi' al-Kalim* karya 'Alī Sultān Muḥammad Nūr al-Dīn al-Harawī (m.1014H).
4. Kitab '*Aqd al-Jawhar al-Thamīn fī Arba 'īn Ḥadīthan min Aḥādīth Sayyid al-Mursalīn* karya Sheikh Ismā'il bin Muḥammad al-'Ajlūnī (m.1162H).
5. Kitab *Arba 'īn Ḥadīthan* karya Muḥammad bin al-Ḥajj Ḥamīd al-Afkarmānī (m.1174H).
6. Kitab *Arba 'īn Ḥadīthan* karya 'Abd al-Rahmān bin Sulaymān bin 'Alī al-Ahdāl al-Ṭālibī (m.1250H).
7. Kitab *al-Kawākib al-Zāhirah fī al-Arba 'īn al-Mutawātirah* karya Maḥmūd bin Hamzah al-Ḥusaynī al-Dimashqī (m.1305H).
8. Kitab *Arba 'īn Ḥadīthan fī Fadā'il Qadā' al-Hawā'iij* karya Ḥasan bin Rāshid al-Mashhadī al-Khufājī (m.1322H).
9. Kitab *al-Arba 'īn al-Kattāniyyah fī Faḍl Āli Bayt Khayr al-Bariyyah* karya Sayyid Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ja'far al-Kattānī (m.1345H),
10. Kitab *al-Arba 'īn Arba 'īn min Ahadith Sayyid al-Mursalīn* karya Yūsuf bin Ismā'il al-Nabhānī (m.1350H).
11. Kitab *al-Istinzāl al-Sakīnah al-Rahmāniyyah bi al-Taḥdīth bi al-Arba 'īn al-Buldāniyyah* karya Hafiz 'Abd al-Ḥafīẓ bin Muḥammad al-Fāṣī (m.1383H).

12. Kitab *al-Arba 'in al-Buldāniyyah*, Kitab *al-Arba 'in Musalsalah bi al-Nuhāh ilā al-Jalāl al-Dīn al-Suyūtī* karya Sheikh Muhammad Yāsīn bin 'Isā al-Fādānī al-Makki (m.1410H).¹¹⁴
13. Kitab *al-Arba 'in al-Qur'āniyyah* karya Sheikh Aḥmad bin 'Abd al-Razzāq bin Muḥammad Ālu Ibrāhīm al-'Anqarī.
14. Kitab *al-Arba 'in Ḥadīthan fī al-Da'wah wa al-Du'āt*¹¹⁵ dan kitab *al-Arba 'in Ḥadīthan fī al-Shaykhṣiyah*¹¹⁶ karya Sheikh 'Alī Ḥasan al-Ḥalabī.
15. Kitab *al-Arba 'in Ḥadīthan al-Nabāwiyyah fī Minhāj al-Da'wah al-Salafiyah*¹¹⁷ karya Sa'īd Muḥammad Ḥusayn Idrīs al-Salafī.
16. Kitab *al-Arba 'ūn al-Makkiyyah*¹¹⁸ karya Dr. Ṭalāl bin Muḥammad Abū al-Nūr.

Demikian karya-karya *al-Arba 'ināt* yang diusahakan oleh para Ulama dan Sarjana Islam dari generasi mutaqaddimin sehingga mu'assirin dimasa sekarang ini.

¹¹⁴ Dalam beberapa literatur disebutkan bahawa beliau mempunyai empat buah karya *al-Arba 'ināt*, iaitu *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah*, *al-Arba 'ūn Ḥadīthan*, *al-Arba 'ūn Ḥadīthan Musalsalah bi al-Nuhāh ilā al-Jalāl al-Dīn al-Suyūtī* dan *Sharḥ al-Jawhar al-Thamīn fī Arba 'in Ḥadīthan min Ahadith Sayyid al-Mursalīn li al-'Ajlūnī*. Untuk karya yang terakhir ini, berdasarkan takrif yang telah diuraikan sebelumnya, penulis tidak mengkiranyamasuk kategori karya *al-Arba 'ināt*, tetapi ianya hanyalah syarahan atas karya *al-Arba 'ināt* daripada Sheikh Ismā'īl Muḥammad al-Ajlūnī (m.1162H).

¹¹⁵ Kitab ini diterbitkan oleh Dār al-Ibn al-Qayyim dan Dār Ibn 'Affān, Saudi Arabia. Cetakan ke-2 tahun 1428 H bersamaan dengan 2007 M.

¹¹⁶ Diterbitkan oleh Dār Ibn 'Affān, Saudi Arabia, cetakan pertama tahun 1422 H bersamaan dengan 2001 M.

¹¹⁷ Kitab ini diberi pengantar (taqdīm) oleh Sheikh Alī Ḥasan al-Ḥalabī, murid Sheikh Nāṣir al-Dīn al-Albānī (m.1420H) dan diterbitkan oleh al-Khaytan dan Dar al-Imam Ahmad, Kuwait. Cetakan pertama tahun 1429 H bersamaan dengan 2008 M.

¹¹⁸ Kitab ini merupakan kumpulan sebanyak empat puluh hadith Nabawi dengan syarahan sekali tentang kelebihan negeri Haram (Makkah al-Mukarramah) dan hukum-hukum yang secara khusus berkaitan dengannya. Talāl Muḥammad Abu al-Nūr, *al-Arba 'ūn al-Makkiyyah* (Makkah al-Mukarramah: Jam'iyyah Marākiz al-Āḥyā', 2011), 5.

1.8 Kesimpulan

Penulisan karya *al-Arba ‘īnāt* yang lahir bersamaan dengan maraknya penulisan Hadith Nabi s.a.w. merupakan sumbangan yang sangat besar telah diusahakan oleh para Ulama dan Sarjana Islam sehingga sekarang ini. Karya-karya tersebut pula semakin menambah khazanah keilmuan Islam terlebih lagi di bidang pengajian Hadith.

Tumbuh dan berkembangnya aktiviti pengkaryaan *al-Arba ‘īnāt* menunjukkan keprihatinan yang besar para Ulama dalam memelihara Hadith Nabi s.a.w. dan menyebarkannya kepada umat Islam, serta memberikan kemudahan untuk mempraktikkannya dalam kehidupan.

Para penulis kitab *al-Arba ‘īnāt* juga mempunyai pelbagai motif mahupun tema ke atas karya-karya mereka. Setengahnya mengumpulkan Hadith sama ada berkaitan dengan kelebihan amalan tertentu, hukum-hukum tertentu, mahupun tema-tema umum yang mencakupi 40 masalah dalam agama. Setengahnya lagi sahaja mengoleksi sebanyak 40 orang gurunya atau menghimpun Hadith berdasarkan 40 guru daripadanya penulis tersebut.

Usaha atau aktiviti penulisan *al-Arba ‘īnāt* yang tidak sahaja terhad kepada Hadith Nabawiyah sahaja, tetapi juga Hadith Qudsiyah malah juga koleksi kepada nama-nama guru tertentu daripada penulisnya, atau Hadith yang dikumpulkan mengikut 40 sanad gurunya.

Para penulis karya ini mayoritinya berhujjah dengan Hadith yang telah masyhur membincangkan tentang kelebihan menghafaz 40 Hadith. Majoriti daripada mereka menilai *da’if* (lemah) Hadith tersebut, malah sebahagiannya palsu.

Tetapi pengamatannya tidak sahaja disandarkan pada Hadith tentang kelebihan menghafaz 40 Hadith sahaja, melainkan memandangkan akan kelebihan angka atau bilang 40 itu sendiri seperti beberapa yang disebutkan dalam al-Qur'an dan Hadith Nabi s.a.w. di samping faktor untuk memudahkan bagi menghafaz Hadith Nabi s.a.w. yang

jumlahnya sangatlah banyak itu. Maka itu pilihan kepada 40 Hadith sahaja dikira akan memberikan kemudahan dan boleh mencakupi persoalan-persoalan agama.

Karya-karya dibidang ini sentiasa tumbuh berkembang dan diusahakan oleh para Ulama yang mula sekali pada kurun Imam Ibn al-Mubārak (m.181H) yakni kurun ke-2 Hijri. Kemudian semakin banyak dan berkembang dalam pelbagai metode pada kurun setelahnya,

Pelbagai macam metode karya dibidang ini lahir sebagai bentuk inovasi yang dikembangkan oleh generasi berikutnya. Ianya tidak terhenti pada satu kurun sahaja melainkan sentiasa berketerusan pada pelbagai kurun dan daerah.